

**GENIUS MASYARAKAT DALAM PENCIPTAAN TEKA-
TEKI MENGGUNAKAN TEORI PUITIKA: KAJIAN
*PANTUN PAK NAZEL BERIRAMA
DENGAN TEKA-TEKI***

**NURZAHILA BINTI ABU BAKAR
C20A1382**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2024**



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Genius Masyarakat Dalam Penciptaan Teka-Teki
Menggunakan Teori Puitika: *Kajian Pantun Pak
Nazel Beirama Dengan Teka-Teki***

**Nurzahila binti Abu Bakar
C20A1382**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDANGAN PELAJAR

Z

Nurzahila binti Abu Bakar
C20A1382

Tarikh: 10 Februari 2024

TANDANGAN PENYELIA

Dr. Nordiana binti Ab Jabar

Tarikh: 10 Februari 2024

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa rendah diri, saya ingin mengucapkan ribuan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Yang Maha Esa kerana saya telah dapat menyiapkan laporan bagi projek penyelidikan yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan dengan sepenuhnya tanpa sebarang halangan. Walaupun saya telah berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan, tetapi saya tidak berputus asa untuk meneruskan perjuangan ini, diiringi dengan doa yang dipanjatkan kepada Yang Maha Berkuasa agar memberikan ilmu, idea dan kesabaran dalam menyiapkan kajian ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia Projek Penyelidikan saya iaitu Dr. Nordiana Ab Jabar yang tidak pernah jemu dalam memberikan kami tunjuk ajar, bimbingan, kritikan serta nasihat. Tanpa bimbingan beliau, saya tidak akan dapat menyiapkan tugas penyelidikan ini dengan sempurna. Beliau juga telah banyak memberikan sokongan moral yang tidak terhingga dan memastikan saya untuk terus bersemangat dalam menyiapkan tugas dan laporan ini. Kata-kata semangat dan segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau tidak akan saya lupakan dan akan sentiasa saya ingati.

Selain itu, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan kata-kata semangat untuk saya terus berjuang sehingga ke tahap ini. Sekalung penghargaan ditujukan kepada rakanrakan seperjuangan saya yang turut sama memberikan sokongan, bantuan dan dorongan tanpa jemu walaupun mereka juga bersama-sama berhadapan dengan situasi yang sama dalam menyiapkan tugas penyelidikan masing-masing.

Akhir sekali, ribuan penghargaan diucapkan kepada semua individu yang terlibat sebagai responden yang telah banyak membantu saya dalam menjalankan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan universiti-universiti lain yang menyediakan bahan bacaan secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih dan sehingga bertemu lagi.

Nurzahila binti Abu Bakar
No 99, Lorong 6,
Taman Kaya,
34100, Selama,
Perak.
E-mel: nurzahila4@gmail.com

ISI KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|-------------------------------------|---------|
| PENGESAHAN TESIS | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ISI KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | vi |
| ABSTRAK | vii |
| ABSTRACT | ix |
| | |
| BAB SATU: PENGENALAN | |
| | |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang | 6 |
| 1.2.1 Definisi Istilah dan Konsep | |
| 1.2.1.1 Pantun | 7 |
| 1.2.1.2 Pantun Teka-Teki | 8 |
| 1.2.1.3 Teori Puitika Sastra Melayu | 9 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 11 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 14 |
| 1.5 Objektif Kajian | 14 |
| 1.6 Skop Kajian | 15 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 18 |
| 1.7.1 Negara | 18 |
| 1.7.2 Masyarakat | 19 |
| 1.7.3 Individu | 19 |
| 1.8 Kesimpulan | 20 |

BAB DUA: SOROTAN KAJIAN LEPAS

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 21 |
| 2.2 | Kajian Lepas: Kajian Mengenai Pantun | |
| 2.2.1 | Tesis | 22 |
| 2.2.2 | Artikel / Jurnal | 24 |
| 2.2.3 | Buku / Majalah dan lain-lain | 27 |
| 2.3 | Kajian Lepas: Kajian Mengenai Pantun Teka-Teki | |
| 2.3.1 | Tesis | 30 |
| 2.3.2 | Artikel / Jurnal | 31 |
| 2.3.3 | Buku / Majalah dan lain-lain | 32 |
| 2.4 | Kajian Lepas: Kajian Mengenai Teori Puitika Melayu Sastera Melayu | |
| 2.4.1 | Tesis | 34 |
| 2.4.2 | Artikel / Jurnal | 36 |
| 2.4.3 | Buku / Majalah dan lain-lain | 38 |
| 2.5 | Kesimpulan | 41 |

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|---------|-------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 42 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 44 |
| 3.2.1 | Dokumentasi | 47 |
| 3.3 | Pengumpulan Data | 49 |
| 3.3.1 | Kaedah Perpustakaan | 50 |
| 3.3.2 | Analisis Dokumen | 50 |
| 3.3.2.1 | Teks | 52 |
| 3.3.2.2 | Artikel / Jurnal / Buku | 54 |
| 3.3.2.3 | Sumber Internet | 54 |
| 3.4 | Penerapan Teori | 55 |

| | |
|--|----|
| 3.4.1 Pengenalan Teori Puitika Sastera Melayu | 55 |
| 3.4.2 Kaedah Analisis | 59 |
| 3.4.3 Kerangka Teori | 61 |
| 3.5 Kesimpulan | 62 |
| BAB EMPAT: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 Pendahuluan | 63 |
| 4.2 Konsep Genius Dalam Teori Puitika Sastera Melayu | 65 |
| 4.2.1 Kemerduan Bahasa | 66 |
| 4.2.2 Struktur Persembahan | 70 |
| 4.2.3 Alun Cerita | 73 |
| 4.2.4 Cita Rasa Yang Patut | 76 |
| 4.3 Aspek Kebijaksanaan Dalam Masyarakat Melayu Dalam Mencipta Pantun Teka-Teki Melalui Teori Puitika Sastera Melayu | 79 |
| 4.3.1 Dunia Luas Yang Dipadatkan | 80 |
| 4.3.2 Mainan, Kiasan dan Saranan | 83 |
| 4.3.3 Dunia Berjodoh | 86 |
| 4.3.4 Sama Ukuran | 89 |
| 4.3.5 Muzik Seiring Kata | 92 |
| 4.3.6 Sesuai dan Patut | 95 |
| 4.4 Kesimpulan | 98 |

BAB LIMA: RUMUSAN

| | |
|----------------------------------|-----|
| 5.1 Pendahuluan | 99 |
| 5.2 Perbincangan | 101 |
| 5.3 Cadangan | 104 |
| 5.3.1 Cadangan Kepada Negara | 104 |
| 5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat | 105 |
| 5.3.3 Cadangan Kepada Individu | 105 |
| 5.4 Kesimpulan | 107 |
| RUJUKAN | 109 |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

| | HALAMAN |
|---|---------|
| 1.1 Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Tumbuh-tumbuhan | 14 |
| 1.2 Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Binatang | 15 |
| 1.3 Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Anggota Badan | 15 |
| 3.1 Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Tumbuh-tumbuhan | 50 |
| 3.2 Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Binatang | 50 |
| 3.3 Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Anggota Badan | 51 |
| 4.1 Senarai Konsep Genius mengikut Tema Pantun Teka-Teki | 63 |
| 4.2 Senarai Aspek Kebijaksanaan berdasarkan Tema Pantun Teka-Teki | 77 |

Genius Masyarakat dalam Penciptaan Teka-Teki menggunakan Teori Puitika:

Kajian Pantun Pak Nazel Beirama dengan Teka-Teki

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk merungkai kegeniusan masyarakat Melayu dalam penghasilan pantun teka-teki. Pengkaji memilih untuk melaksanakan kajian ini kerana banyak kajian yang dilakukan hanya tertumpu pada pantun semata-mata, kali ini pengkaji akan lebih memfokuskan kepada pantun yang mempunyai teka-teki dalamnya. Masyarakat kini juga kurang didedahkan kepada pantun, terutamanya pantun teka-teki yang sarat akan ilmu pengetahuan dan pengajaran yang boleh diambil oleh pembaca. Di samping itu, analisis ini bertujuan mengenal pasti konsep genius dalam Teori Puitika Sastera Melayu serta menghuraikan aspek kebijaksanaan dalam masyarakat Melayu dalam mencipta pantun teka-teki melalui Konsep Perkataan yang Indah-indah berdasarkan teori yang dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh. Analisis ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kualitatif iaitu menerusi kaedah dokumentasi, kepustakaan, sumber-sumber yang sahih yang membantu pengkaji menelaah. Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, kegeniusan seseorang itu diukur berdasarkan pemilihan setiap perkataan yang mampu memberikan makna yang mendalam dan ianya dapat dibuktikan berdasarkan aspek kebijaksanaan yang menggunakan Konsep Perkataan yang Indah-indah oleh Muhammad Haji Salleh. Pengkaji berharap agar pantun teka-teki ini masih dikekalkan dari zaman ke zaman kerana mempunyai nilai estetikanya yang memberikan manfaat kepada khalayak umum.

Kata Kunci: Genius, Masyarakat Melayu, Muhammad Haji Salleh, Pantun Teka-Teki, Teori Puitika Sastera Melayu.

*Community Genius in the Creation of Riddles using Poetic Theory:
Pak Nazel Rhythmic Poem Study with Riddles*

ABSTRACT

This study was carried out with the aim of unraveling the genius of the Malay community in the production of puzzle poems. The researcher chose to carry out this study because many studies that have been done only focused on poems, this time the researcher will focus more on poems that have riddles in them. Today's society is also less exposed to poems, especially puzzle poems that are loaded with knowledge and lessons that can be taken by the reader. In addition, this analysis aims to identify the concept of genius in the Poetic Theory of Malay Literature as well as describe the aspect of wisdom in Malay society in creating puzzle poems through the Concept of Beautiful Words based on the theory pioneered by Muhammad Haji Salleh. This analysis uses a qualitative data collection method that is through documentation, bibliography, and authentic sources that help the researcher review. Based on the analysis carried out, the genius of a person is measured based on the selection of each word that can provide deep meaning and it can be proven based on the aspect of wisdom that uses the Concept of Beautiful Words by Muhammad Haji Salleh. The researcher hopes that this puzzle poem is still maintained from time to time because it has an aesthetic value that provides benefits to the public.

Keywords: Genius, Malay Society, Muhammad Haji Salleh, Riddle Poems, Poetic Theory of Malay Literature.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pantun merupakan khazanah orang Melayu sejak berabad lagi. Pantun ini juga genre asli kesusasteraan Melayu dalam percakapan dan pengucapan dalam pelbagai sudut aktiviti kehidupan sesebuah masyarakat. Perkataan-perkataan yang indah diperlihatkan dalam penghasilan pantun yang mencerminkan pemikiran dan kebijaksanaan orang Melayu. Pada zaman dahulu, pantun merupakan cara berkomunikasi bagi menyampaikan hajat atau perkara-perkara lain. Menurut Amelia Farhana (2022) menyatakan pantun Melayu terlalu rapat dengan masyarakat Melayu dahulu kerana ianya memainkan peranan dalam menyampaikan sesuatu secara berkesan dan indah. Pantun juga merupakan perantara yang berkesan dengan menggunakan bahasa yang mampu menyerlahkan kebijaksanaan dari pelbagai sudut seperti mengenai akal budi atau minda sesebuah bangsa. Walau bagaimanapun, sehingga kini pantun masih digunakan dalam adat perkahwinan semasa merisik ataupun bertunang. Ianya kerana penggunaan pantun pada hari ini sangat meluas sehinggakan pantun dikenali sehingga kini dan tidak ditelan zaman.

Menurut Tenas Effendy (2004) kehidupan pada masa kini masih giat menggunakan pantun dan ianya dikenali ramai serta digunakannya akan tetapi isinya tidak lagi berakar kepada nilai-nilai luhur budaya asalnya. Intipatinya lebih bersifat senda gurau mahupun ajuk-mengajuk sesama sendiri dengan pujian yang dilontarkan. Oleh disebabkan hal itu, pantun ini telah dijadikan mainan akan tetapi sudah hilangnya fungsi dan maknanya yang hakiki. Justeru, setiap penulisan pantun ini cuba untuk menampilkan kehidupan sebuah masyarakat Melayu untuk melambangkan pemikiran seseorang itu.

Di samping itu, Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1996) pantun berkembang dalam masyarakat yang tidak tahu membaca dan mengeja. Pantun adalah warisan tradisi lisan yang ditinggalkan kerana penciptaan pantun dilaksanakan dengan kemas dan teratur sehingga menghasilkan kata-kata yang indah. Nilai-nilai keindahan yang terdapat dalam bait-bait pantun dapat dihayati dan difahami oleh segenap lapisan masyarakat dan ianya telah meletakkan pantun sebagai tradisi budaya yang amat popular suatu ketika dahulu. Seterusnya, menurut Mohd. Taib Osman (1974) mengatakan pantun adalah artifak bukan benda yang tidak hanya digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu akan tetapi mempunyai pelbagai fungsi dan maknanya. Pantun adalah cerminan peradaban masyarakat Melayu yang dihasilkan oleh buah fikiran kebijaksanaan mereka.

Pantun Melayu adalah cara berkomunikasi secara tidak langsung ketika waktu dahulu kerana ianya berkias. Menurut Asmah Haji Omar (1991) budaya Melayu patut diberikan pujian kerana kiasan dalam pantun memberikan pengajaran akan tetapi menegur secara lembut agar tidak terasa hati. Seterusnya, ungkapan

dalam pantun yang berunsur metafora dan kiasan banyak terdapat dalam perbualan seperti peribahasa dan pantun.

Tambahan pula, pantun wujud dalam masyarakat awal Melayu apabila alam menjadi bayangan untuk kehidupan manusia. Pantun ini tidak asing lagi jika diperkatakan dalam kalangan masyarakat di Kepulauan Nusantara yang terdiri daripada beberapa buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura yang merupakan tradisi lisan daripada turun temurun. Waktu lalu, pantun merupakan salah satu instrumen yang sangat penting untuk berkomunikasi antara masyarakat dalam menyatakan hajat serta mengekspresikan maksud tersendiri terhadap orang lain.

Menurut Harun Mat Piah (1997) menyatakan pantun mempunyai baris perkataan dan tekniknyanya yang berkaitan serta mempunyai rima. Pantun Melayu mempunyai jumlah baris yang genap pada setiap rangkap. Sekiranya pantun dua baris dengan rima a-a, pantun empat baris dan rimanya a-a-a-b dan enam baris dengan rima a-b-c-a-b-c. Tambahan pula, pantun juga mempunyai jenis yang berkait serta pantun adalah sejenis puisi lama yang dikenali oleh umum yang mempunyai empat baris dalam tiap-tiap rangkap iaitu dua baris pertama adalah pembayang maksud dan selebihnya adalah maksud yang ingin disampaikan. Oleh itu, pantun jenis empat baris atau dikenali dengan empat kerat dianggap paling terkenal dikalangan pantun kerana kebiasaannya kajian yang dilaksanakan terhadap pantun Melayu adalah pantun empat kerat kerana ianya merupakan contoh yang paling diketahui umum.

Selain itu, pantun berfungsi untuk mengatakan isi hati ketika berucap terutama bagi golongan yang berumur, (M.G. Emeis, 1975). Hal ini dikatakan demikian kerana golongan ini dikenali dengan menghasilkan pantun untuk menyatakan hasrat hati mereka bagi tujuan nasihat menasihati atau menyatakan sesuatu perkara secara sopan dengan berkias. Malah, golongan muda pula menghasilkan pantun hanya merupakan kata-kata yang berbentuk sindiran dan gurau senda untuk menyatakan perasaannya kepada seseorang. Menurut Harun Mat Piah (1997) menyatakan bahawa pantun bukan hanya alat komunikasi untuk menyampaikan apa yang dirasa akan tetapi pantun juga boleh berunsur deduktif dari pelbagai sudut, contohnya pengajaran mengenai kehidupan, nasihat, menegaskan keesaan Allah dan sebagainya. Jika diteliti dengan mendalam, pantun mempunyai fungsi yang luas kerana bukan hanya untuk media pendidikan malahan mengandungi nasihat yang boleh dijadikan pedoman kepada masyarakat sehingga kini. Jika diperhatikan dengan lebih dekat, orang Melayu kini lebih tertarik dengan gajet yang meleakakan sehinggakan lupa akan khazanah yang ditinggalkan nenek moyang dahulu. Pantun yang semakin hilang keindahan bait-bait yang dilontarkan ini tidak dihiraukan lagi generasi muda. Pengkaji ingin mengekalkan kelestarian pantun sebagai warisan dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun ini telah diiktiraf sebagai Warisan Melayu tidak ketara oleh UNESCO pada 17 Disember 2020 di Paris, Perancis.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan mengupas kegeniusan masyarakat dalam menghasilkan pantun teka-teki dengan menggunakan Teori Putika Sastera Melayu. Pengkaji memilih buku *Pantun Pak Nazel Berirama dengan Tekateki* yang diterbitkan oleh Penerbit UniMAP (Universiti Malaysia Perlis).

Bagi menjelaskan kajian bab satu ini, diskusi berkenaan mengenai pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian sekali gus kesimpulan bagi bab ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini bertajuk *Genius Masyarakat dalam Penciptaan Teka-teki menggunakan Teori Puitika: Kajian Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-teki* dijalankan bagi melihat konsep genius seseorang menghasilkan pantun yang diselitkan teka-teki. Pantun dikenali oleh khalayak umum, akan tetapi pantun yang mempunyai teka-teki dalamnya tidak begitu popular dikalangan masyarakat kini. Kajian ini memberikan perhatian sepenuhnya terhadap konsep genius masyarakat kini dalam penghasilan pantun teka-teki dan aspek-aspek kebijaksanaan dalam masyarakat Melayu dalam penciptaannya. Pengkaji menjalankan kajian ini dengan memilih beberapa teks dalam koleksi Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-teki dengan menerapkan Teori Puitika Sastra Melayu. Teks yang dipilih oleh pengkaji memberikan gambaran jelas terhadap penghasilan pantun teka-teki, bukan hanya untuk berhibur malah perlu berfikir mencari jawapan bagi setiap pantun yang dibaca.

Pada masa kini, terdapat pelbagai kajian mengenai pantun akan tetapi pengkaji hanya mengkaji pantun pada dasarnya tetapi tidak tertumpu lebih mendalam. Tambahan pula, boleh dikatakan kajian mengenai pantun yang berunsur teka-teki kurang dijalankan kerana maklumat mengenainya agak kurang dan tidak berapa terperinci untuk pengkaji. Oleh itu, pengkaji ingin melaksanakan kajian ini bagi mengupas konteks kebijaksanaan dari perspektif konsep dan aspek-aspeknya lebih terperinci yang terdapat dalam teks yang dipilih.

1.2.1 Definisi Istilah dan Konsep

1.1.1 Pantun

Pantun adalah salah satu daripadanya. Menurut Suseno (2018), ianya merupakan sebuah bentuk puisi lama yang dikenali umum di seluruh pelusuk tanah air walaupun disampaikan dalam dialek dan bahasa yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun ini dipersembahkan dalam bentuk percakapan lisan dan juga tulisan mengikut dengan gaya yang tersendiri yang menjadikannya unik. Pantun ini juga merupakan puisi tradisional yang tertua dikalangan yang lain dan usianya mungkin hampir dengan bangsa Melayu. Pantun ini dipertontonkan dan dipergunakan di kampung-kampung untuk mencerminkan keadaan dan fikiran tersendiri yang dialami, (Za'ba, 1941). Hal ini dikatakan demikian kerana pantun ini bukan sahaja digunakan untuk memerli segelintir masyarakat malahan ianya juga memberikan pengajaran dari bait-bait ayat yang ditulis.

Zaman yang pesat dengan keindahan teknologi, pantun masih dikenali dan gunakan oleh semua orang akan tetapi isinya tidak lagi mempunyai nilai-nilai hulu budaya asal (Tenas Effendy, 2004). Ini terjadi kerana pantun hanyalah dianggap sebagai barang mainan dan erti mahupun maknanya sudah luntur akan kerana teknologi kini

menenggelamkan keseronokkannya. Menurut Mahyudin Al Mudra (2012) pantun yang disampaikan secara verbal adalah sulit kerana menyebabkannya terbatas. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau menyatakan bahawa definisi pantun ini harus mempertimbangkan lima perkara iaitu yang pertama adalah dari aspeknya, keduanya nilai yang terkandung dalam pantun, seterusnya adalah fungsi sebuah pantun dan kegunaannya, keempat adalah kepenggunaan pantun dan terakhir adalah konteks sosial budaya yang dipertunjukkan dalam pantun itu. Sekiranya mempunyai lima perkara tersebut ianya akan memberikan makna pantun yang mantap.

1.1.2 Pantun Teka-teki

Pantun teka-teki merupakan pantun yang mengandungi teka-teki atau suatu pertanyaan. Sebuah pantun teka-teki ini mampu membuatkan sesiapa sahaja yang membacanya akan bertanya-tanya mengenai jawapan dari pertanyaan yang ada di dalamnya. Pantun teka-teki ini juga tergolong dalam permainan yang berbentuk karya sastera. Terdapat pelbagai jenis pantun, antaranya adalah pantun teka-teki. Ianya diungkapkan pantun teka-teki kerana dua baris akhir adalah berbentuk pertanyaan yang perlu diselesaikan. Pantun teka-teki merupakan pantun yang berbentuk pertanyaan yang sering digunakan untuk melatih dan mendidik kemampuan para pembaca dalam berfikir mencari jawapan yang tepat berdasarkan pertanyaan

yang terkandung dalam pantun yang diberikan (Wahyuni, 2014). Sementelahan pantun teka-teki ini direka untuk memberikan soalan secara samar-samar dan rumit untuk menjawabnya seakan-akan menggunakan otak sepenuhnya untuk mencari jawapan yang tepat. Hal ini kerana ianya merupakan soalan yang disampaikan melalui pantun dengan mempunyai makna yang tersirat dan pembayang yang tertentu untuk diselesaikan.

1.1.3 Teori Puitika Sastera Melayu

Teori Puitika Sastera Melayu ini diasaskan oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh. Konsep yang sangat penting yang hadir dalam pemikiran sastera Melayu ini telah menjadi inti kepada kajian beliau. Ianya kerana mempunyai prinsip keindahan yang terkandung dalam Puitika Sastera Melayu ini. Walaupun begitu, teori Puitika Sastera Melayu ini meletakkan 'keaslian' sesebuah karya merujuk kepada 'cerita oleh orang yang empunya cerita', 'keaslian sumber silam', 'leluhur' dan 'kebijaksanaannya'. Sementelahan dalam konteks tradisi, mitos, hikayat mahupun lagenda adalah berkonsep sejarah. Menurut Hashim Ismail (2019), Muhammad Haji Salleh mementingkan aspek keindahan dengan ketuhanan, ianya kerana keindahan Melayu dengan aspek ketuhanan mempunyai hubungan yang mendalam. Ini dikatakan demikian kerana keindahan merupakan sesuatu yang istimewa, sesuatu perkara yang amat luar

biasa, lebih tersusun, lebih membawa banyak manfaat dan lebih membekalkan kesan yang mendalam. Allah mewujudkan keindahan tersebut berdasarkan ciptaannya di dunia dan simbolik tersebut menunjukkan kekayaan Tuhan secara sepenuhnya.

Puitika Sastera Melayu merupakan hasil ciptaan daripada suatu persekitaran, suatu masyarakat, pandangan dan juga cara hidup bagi melihat keseluruhan konteksnya. Teori ini memperjelaskan perlunya pentakrifan kesusasteraan dari sudut pandangan orang-orang Melayu yang lebih menekankan pengajaran malahan bimbingan moral.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini membahas puisi tradisional iaitu pantun, akan tetapi diselitkan teka-teki dalam pantun tersebut. Oleh hal yang demikian pengkaji ingin membuktikan secara jelas bahawa pantun teka-teki yang tergolong dalam jenis-jenis pantun memberikan impak kepada khalayak umum yang membaca. Kajian ini memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam aspek pemilihan kata dalam menghasilkan pantun teka-teki ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kurangnya kajian terhadap pantun teka-teki ini kerana skopnya lebih kecil daripada mengkaji pantun. Seterusnya, masyarakat mengenali pantun secara umumnya, tetapi pantun teka-teki kurang diperkenalkan kepada umum yang beranggapan leceh kerana perlu menyelesaikan teka-teki yang diselitkan dalam pantun.

Menurut Trianawati (2019), pantun mempunyai ciri-ciri tersendiri iaitu berdasarkan isinya, pantun jenaka, pantun berkasih-kasih dan pantun agama. Berdasarkan pernyataan Kosasih (2013), ciri-ciri pantun iaitu mempunyai lapan hingga 12 suku kata pada setiap baris dan mementingkan rima akhir dengan rima a-b-a-b. Kajian ini menjelaskan pantun dengan lebih mendalam dengan menggunakan buku *Mantra Syair dan Pantun* yang diketengahkan dalam kehidupan. Pantun merupakan alat menyampaikan petuah baik dalam hal agama mahupun adat. Pantun teka teki berfungsi sebagai alat untuk menguji kepandaian pembaca dalam berfikir. Sementelahan, pantun nasihat adalah untuk menyampaikan nasihat dan larangan kepada pembaca. Kajian ini dijalankan untuk penelitian terhadap isi yang digunakan dan merumuskannya.

Pantun Melayu Sambas mampu memperlihatkan nilai budaya, moral dan pemikiran terhadap pantun yang dikaji (M.Zikri Wiguna, 2017). Pantun yang mempunyai sarat ilmu-ilmu iaitu nilai budaya yang mengandungi adat atau kebiasaan yang dilakukan orang-orang Melayu dan memberikan pengajaran kepada pembaca terhadap tingkah laku seseorang yang positif dalam kehidupan sehari-hari. Ianya seakan membuat kebaikan dan memberikan impak positif dan pedoman yang boleh diamalkan kepada pembaca.

Walau bagaimanapun, orang Melayu mempunyai tradisi yang tersendiri sebelum kedatangan Islam. Pantun yang dihasilkan adalah idea-idea yang didapati daripada persekitaran dan ianya adalah ciri-ciri landskap budaya Melayu (Nor Atiah Ismail, 2015). Ini disebabkan oleh kagumnya orang Melayu terhadap hutan atau sungai, laut atau gunung yang mengimbau kembali kepercayaan nenek moyang sesuatu masyarakat. Ini kerana pantun yang dirangka bagi menceritakan kehidupan sesebuah masyarakat ketika zaman itu adalah satu rekod yang bertulis untuk generasi kini bagi memahami warisan dan nilai-nilai budaya yang ditinggalkan kepada kita.

Menurut Tuti Andriani (2012), puisi antara yang dikenali dalam Kesusasteraan Melayu. Pada zaman dahulu pantun merupakan rencah yang digunakan untuk menambah perbualan harian. Bait-bait pantun yang dilontarkan dalam susunan ayat mengandungi makna yang ingin disampaikan. Melalui puisi ini, ia berfungsi untuk menyampaikan mesej moral yang sarat dengan nilai-nilai murni

agama, norma sosial masyarakat dan budaya malah disebarkan kepada umum, dan diwariskan kepada zaman yang akan datang.

Di samping itu, ianya menampilkan hubungan rapat antara bahasa dengan pemikiran penuturnya (Hj. Mohd Rashid, 2012). Teori Falsafah Bahasa ini mengetahkan kepentingan penutur menggunakan frasa yang mampu dimanfaatkan secara maksimum. Menilai kebijaksanaan orang Melayu dalam pantun secara analisis kualitatif berdasarkan empat perkara asas iaitu kajian kepuastakaan, penganalisisan teks, pentafsiran dan pendeskripsian. Ini telah membuktikan individu memiliki tingkat kebijaksanaan yang maksima dianggap sebagai kelebihan untuk mendapat penghormatan dan kedudukan yang baik dalam sesebuah masyarakat.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini mengkaji beberapa persoalan kajian iaitu:

- 1.4.1. Apakah konsep genius dalam Teori Puitika Sastera Melayu?
- 1.4.2. Apakah aspek kebijaksanaan dalam masyarakat Melayu dalam mencipta pantun teka teki melalui teori Puitika Sastera Melayu?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai beberapa objektif iaitu:

- 1.5.1. Mengenalpasti konsep genius dalam Teori Puitika Sastera Melayu.
- 1.5.2. Menghuraikan aspek kebijaksanaan dalam masyarakat Melayu dalam mencipta pantun teka teki melalui konsep Perkataan yang Indah-indah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.6 Skop Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji hanya tertumpu terhadap teks dalam koleksi *Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-teki* yang memfokuskan kepada aspek genius melalui teori yang dipilih iaitu Teori Puitika Sastera Melayu. Seperti yang telah dinyatakan bahawa teks yang dipilih dianggap bersesuaian dijadikan bahan kajian kerana pantun-pantun teka-teki yang terkumpul dalamnya. Kewajaran ini dianggap lebih bermanfaat dan memudahkan pengkaji untuk mengalisis dan meneliti teks. Walau bagaimanapun, pengkaji menggunakan teori yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh iaitu teori Puitika Sastera Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah dipertimbangkan oleh pengkaji atas alasan bahawa teori Puitika Sastera Melayu ini digunakan dan dihuraikan oleh sarjana lebih jelas dan mudah difahami. Pengkaji menyatakan pantun teka-teki yang dipilih untuk dikaji:

| Jenis Pantun Teka-teki | Tema | Jumlah |
|-------------------------------|----------------|---------------|
| Tumbuh-tumbuhan | Cili | 1 |
| | Kunyit | 1 |
| | Kundur | 1 |
| | Jantung Pisang | 1 |
| | Nanas | 1 |
| | Betik | 1 |
| | Manggis | 1 |

| | | |
|--|--------|-----------|
| | Limau | 1 |
| | Durian | 1 |
| | Delima | 1 |
| | | 10 |

(Jadual 1.1: Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Tumbuh-tumbuhan)

| Jenis Pantun Teka-teki | Tema | Jumlah |
|------------------------|-------------|-----------|
| Binatang | Kura-kura | 1 |
| | Harimau | 1 |
| | Itik | 1 |
| | Pacat | 1 |
| | Labah-labah | 1 |
| | Lintah | 1 |
| | Ikan | 1 |
| | Udang Galah | 1 |
| | Ketam | 1 |
| | Gajah | 1 |
| | | 10 |

(Jadual 1.2: Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Binatang)

| Jenis Pantun Teka-teki | Tema | Jumlah |
|------------------------|--------|--------|
| | Kepala | 1 |
| | Lintah | 1 |

| | | |
|----------------------|------|----------|
| Anggota Badan | Mata | 1 |
| | Gigi | 1 |
| | | 4 |

(Jadual 1.3: Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Anggota Badan)

(Sumber: Nurzahila binti Abu Bakar)

Jadual 1.1 ,1.2 dan 1.3 telah mengklasifikasikan pantun teka-teki yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan jenis-jenis yang dipilih seperti Tumbuhan, Binatang dan Anggota Badan berdasarkan koleksi Pantun Pak Nazel. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif terbatas kerana hanya pada teks *Pantun Pak Nazel* dengan berpandukan teori yang dipilih. Kajian ini membataskan kepada teori Puitika Sastera Melayu dengan menilai kebijaksanaan pengarang dalam menghasilkan pantun yang diselitkan teka-teki dalamnya. Walau bagaimanapun, kajian ini memperlihatkan keberkesanan kebijaksanaan pengarang memberikan impak kepada khalayak pembaca. Keberkesanan diperlihatkan melalui kecerdasan pembaca dalam menyelesaikan teka-teki yang dimasukkan di dalam pantun dan ianya juga merupakan hiburan secara ilmiah kepada pembaca. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan ini mampu memberikan dapatan kajian dan hujahan yang berkualiti untuk digunakan sebagai rujukan pada masa yang akan datang.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji amat penting kepada khalayak untuk dijadikan rujukan. Pengkaji memfokuskan beberapa kepentingan kajian kepada tiga iaitu individu, masyarakat dan juga negara. Setiap kajian yang dilakukan mempunyai kepentingan yang tersendiri dan kajian yang dilakukan oleh pengkaji pula mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Bagi kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji pula, kepentingannya adalah untuk melihat dan meneliti sejauh mana konsep genius melalui teori Puitika Sastera Melayu. Seterusnya, untuk meneliti aspek kebijaksanaan masyarakat dalam masyarakat Melayu dalam menghasilkan pantun teka-teki.

1.7.1 Negara

Penelitian kajian ini penting untuk sebuah negara terutamanya dalam membentuk komuniti untuk hidup dalam kehidupan yang berbudaya. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa kini kemasukan pelbagai budaya luar seperti adanya gadget yang telah melupakan mengenai hiburan yang ada ketika dulu iaitu pantun. Pantun teka-teki merupakan hiburan yang boleh diterapkan dalam sesebuah komuniti. Oleh itu, kajian ini sedikit sebanyak dapat menjadikan salah satu bahan rujukan tambahan kepada tenaga pengajar terutamanya di peringkat sekolah menengah mengenai pantun teka-teki.

1.7.2 Masyarakat

Kepentingan masyarakat pula memberikan pemahaman yang jelas dan memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat kini menghasilkan pantun teka-teki. Pengkaji menggariskan kepentingan melalui penghayatan dan pengajaran yang dapat diambil dalam kajian ini. Penghayatan yang dimaksudkan adalah bagaimana masyarakat kini menerapkan keindahan bahasa dalam bentuk yang sopan sert melatih pemikiran untuk menjawab persoalan tersebut. Ianya sekaligus memberi panduan kepada masyarakat untuk menghayati setiap keindahan penghasilan pantun teka-teki supaya boleh digunakan dalam kehidupan sosial kini.

1.7.3 Individu

Hasil daripada kajian yang dilaksanakan dapat membantu menambah ilmu pengetahuan kepada individu terutamanya mengenai pantun teka-teki. Kajian ini dapat mendalami dan memahami makna tersirat dan tersurat dalam penggunaan kata-kata indah yang disampaikan melalui pantun teka-teki. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini mampu membantu individu yang mempelajari mengenai pantun teka-teki sekali gus kebijaksanaan dalam penghasilannya.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab satu mengandungi penjelasan yang dilakukan oleh pengkaji berkenaan definisi dan konsep mengenai pantun teka-teki secara terperinci merangkumi kebijaksanaan pengarang menghasilkan pantun. Selain itu, pengkaji juga membincangkan mengenai permasalahan terhadap kajian yang dilaksanakan, serta permasalahan yang berlaku pada masa kini kerana kurangkan penciptaan teka-teki yang diselitkan dalam pantun. Dua soalan kajian telah dinyatakan oleh pengkaji dan menyatakan objektif berkenaan kajian ini. Tambahan pula, pengkaji telah mengemukakan skop kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Akhirnya, dalam bab satu ini, pengkaji telah menyampaikan beberapa kepentingan kajian terhadap negara, masyarakat dan individu.

BAB 2

Sorotan Kajian Lepas

2.1 Pendahuluan

Sorotan kajian lepas merupakan satu penyelidikan yang sistematik dan jelas untuk mengenalpasti, mentafsir dan juga menilai nilai-nilai penulisan penyelidik dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang ingin dikaji (A.Fink, 1998). Hal ini dikatakan demikian kerana setiap penyelidikan dicatat dengan teliti kerana bahan tersebut dapat digunakan sebagai rujukan kelak. Menurut Bruce L.Berg (1998) berpendapat bahawa sorotan kajian lepas adalah penelitian yang terperinci terhadap bahan-bahan yang didapati berkaitan dengan masalah yang dikaji. Secara ringkasnya, sorotan kajian lepas adalah proses penyelidikan, penelitian, penilaian dan pemahaman yang mendalam mengenai hasil kajian terhadap penulisan lepas yang mempunyai kaitan terhadap kajian yang akan dikaji.

2.2 Kajian Lepas: Kajian Mengenai Pantun

2.2.1 Tesis

Emy Amirah Zawawi (2022), "Pantun berkait Peri Loka Tanah Melaka", pengkaji menganalisis nilai dan pengajaran terhadap buku tersebut. Penggunaan teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Moral mendapati buku yang dikaji memberikan pengajaran dan nilai kerana nilai moral merupakan suatu himpunan norma dan adat yang terkandung kerana nilai-nilai tersebut membantu kita melakukan perbezaan hak dan batil. Pantun Melayu merupakan khazanah warisan masyarakat Melayu yang perlu diperlihatkan kerana ianya lambang identiti masyarakat Melayu yang unggul. Ianya kerana kandungan pantun Melayu mampu menjadi panduan kepada masyarakat dalam membentuk dan mengajar individu mahupun masyarakat terhadap kehidupan yang bertamadun.

Menurut Nurul Ain (2015) Kajian mengenai *Pantun Melayu: Analisis Ayat Majmuk Bahasa Melayu*. "Pantun" berasal dari akar kata *tun* yang tergolong dalam bahasa Jawa Kuno iaitu *tuntun* dan bahasa Tagalog pula, *tonton* yang membawa makna diucapkan dalam aturan tertentu. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Sunda pula, ianya membawa maksud sebuah cerita yang panjang dengan iramanya dinyanyikan dengan iringan muzik. Pada masyarakat Melayu kini, pantun ini bererti *kuantrain*, bermakna puisi yang disusun lengkap dengan mempunyai empat baris bagi satu rangkap.

Jelaslah bahawa perkataan "*tun*" ini menyatakan bahawa pantun ini sesuatu cara atau membentuk sesuatu yang teratur dalam melahirkan buah fikiran dan juga makna.

Seterusnya, Norhidayati Ismail (2013) yang bertajuk *Lambangan dan Kesantunan Wanita Melayu dalam Pantun*. Tesis ini membahas corak kehidupan dan cara hidup wanita Melayu amatlah berbeza pada zaman dahulu dan juga kini. Hal ini dikatakan demikian kerana disebabkan arus pemodenan yang maju menyebabkan luntur nilai kesantunan terhadap wanita Melayu dahulu. Kesopanan dan kesantunan wanita diangkat dalam pantun Melayu melalui bait-baitnya. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks pantun Melayu dan menganalisis lambang wanita Melayu melalui pantun Kumpulan Pantun Melayu dan teks pantun Kurik Kundi Merah Saga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Jelas bahawa nilai kesopanan dan kesantunan dipaparkan dalam teks agar nilai santun tidak dilupakan oleh masyarakat dan perlu dikekalkan dari zaman ke zaman.

Muhammad Irfan Nyia Abdullah (2013) bertajuk *Budaya dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya*. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti puisi-puisi Muhammad Haji Salleh ini mempunyai aspek-aspek budaya yang termaktub dalam puisi-puisinya. Aspek yang dikaji oleh pengkaji adalah berdasarkan tiga tema iaitu manusia dengan Tuhan, manusia dengan alam dan manusia dengan manusia. Hasil kajian mendapati puisi Muhammad Haji Salleh ini mengajak masyarakat

untuk merubah konsep pemikiran supaya mampu bersaing di persada dunia. Kajian ini menampilkan nilai-nilai positif budaya kerja bangsa Jepun lebih baik berbanding bangsa Barat yang sepatutnya menjadi model insan oleh bangsa dunia.

Konsep Alam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti oleh Shuib Dan, 2005. Kajian yang dilaksanakan adalah untuk menganalisis pantun Melayu menggunakan pendekatan Intertekstualiti. Pantun mempunyai keistimewaannya yang tersendiri iaitu cerminan pemikiran dan corak kehidupan sesebuah masyarakat Melayu Tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun berupaya sebagai alat komunikasi terhadap agama dan akhlak kerana ianya sesuatu yang sangat istimewa bagi masyarakat Nusantara dalam pelbagai acara mahupun kegiatan. Ajaran Islam dapat disampaikan melalui pantun yang dibina secara halus melalui bait-bait yang dicipta.

2.2.2 Artikel / Jurnal

Semantik yang dihasilkan oleh Maulina (2015) berpandangan bahawa pantun merupakan salah satu puisi lama yang terkenal dalam kalangan bahasa-bahasa Nusantara. Pantun yang berasal dari kata patuntun bagi bahasa Minangkabau yang bermaksud "petuntun". Walau bagaimanapun, pantun ini masih terdiri daripada empat baris dan setiap baris terdiri daripada 8-12 suku kata serta rimanya pula a-b-a-b atau a-a-a-a. Pantun

ini digunakan sebagai alat pemelihara bahasa kerana ianya berfungsi kata dan berkemampuan menjaga alur fikiran. Pantun ini melatih seseorang berfikir tentang makna kata sebelum berucap. Olen itu, ianya melatih orang berfikir secara kreatif kerana suatu kata memiliki kaitan dengan kata-kata yang lain.

Menurut Nik Safiah Karim (1998) *Keindahan Pantun dari Sudut Sintaksis Bahasa Melayu* menampilkan keindahan pantun Melayu yang dicipta dari pelbagai aspek iaitu bentuk, keindahan pantun dan binaanya. Hal ini dikatakan demikian kerana kebiasaannya pantun ini dilihat melalui rentaknya dan mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak melalui hubungan antara pembayang maksud dan maksudnya. Jelaslah bahawa penggunaan sintaksis ini digunakan untuk merangka jenis ayat yang bakal dibina dan pola ayat, susunan konstituen ayat dan sebagainya.

Seterusnya, *Pantun dan Manifestasi Minda Masyarakat* yang membahaskan penciptaan atau proses kreativiti masyarakat Melayu dalam penghasilan penciptaan pantun. Penghasilan pantun Melayu dapat melambangkan pemikiran masyarakat Melayu dari segi pemikirannya, nilai dan proses kreativiti masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana pantun merupakan warisan tradisi lisan yang disampaikan dengan menarik kepada khalayak melalui pemilihan kata-kata dan penyampaian dengan irama yang bersesuaian. Keindahannya dapat dirasai melalui pantun yang

dihasilkan dan populariti pantun ini dikenali sehingga kini (Wan Abdul Kadir dan Ku Zam Zam Ku Idris, 1996).

Menurut Norazit dan Zainal Abidin Borhan (1996) *Adat istiadat Melayu Melaka* membicarakan soal asas orientasi nilai Melayu dalam pantun adalah wadah dalam penyampaian akal budi, nilai dan pandangan di mata dunia. Elemen yang ditampilkan telah menggambarkan nilai masyarakat Melayu dan ianya seakan berkomunikasi secara halus dengan yang lain. Berbudhi bahasa yang dipelihara ini dianggap apabila penggunaan ganti nama yang digunakan dengan bahasa yang baik amat bersesuaian apabila berbicara dengan seseorang.

Keistimewaan yang terdapat dalam pantun ini bukanlah semata-mata menjadi kebanggaan dan warisan Melayu, malahan pantun ini diingati dan mampu menarik perhatian masyarakat kini di mata dunia. Keindahan pantun yang digambarkan dengan penggunaan bahasa yang sopan dan lemah-lembut digunakan dalam pembayang dan maksud pantun. Tambahan pula, keindahan pantun telah membuka mata masyarakat kini dan dunia sehinggakan sarjana-sarjana Barat yang hebat seperti R.O. Winstedt (1961), R.J. Wilkinson (1961) membuat penelitian dan penyelidikan terhadap pantun Melayu dalam aspek asal-usul dan juga penghasilan pantun.

2.2.3 Buku / Majalah dan lain-lain

Menurut Setyadiharja, R. (2020) melalui buku *Khazanah Negeri Pantun* yang berpendapat pantun ini tidak asing lagi bagi khalayak umum kerana penyampaian yang disampaikan melalui lisan dan tulisan. Pantun juga mempunyai identiti tersendiri mengikut negeri-negeri yang ada. Keunikan setiap pantun mengikut negeri ini adalah lain dari yang lain kerana ianya menggambarkan identitinya. Akan tetapi ciri-cirinya masih sama dimana mempunyai empat rangkap sebaris dan rima a-b-a-b. Jelaslah bahawa pantun yang dihasilkan mengandungi idea yang kreatif dan kritis beserta makna yang mampu memberi pengajaran kepada pembaca.

Pantun merupakan bentuk puisi Indonesia (Melayu). Perdebatan mengenai istilah pantun menjadi isu suatu ketika akan tetapi sarjana-sarjana sebulat suarat bahawa kata pantun ini beratu seperti, umpama, misal seperti yang termaktud Kamus Besar Bahasa Indonesia. Seterusnya, ada sebahagian orang yang menyatakan kata pantun ini berasal dari bahasa Jawa iaitu pantun atau pari. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya membawa erti yang sama iaitu padi dalam bahasa Indonesia. Oleh itu, pendapat-pendapat yang menyatakan pantun uni berasal mengikut bahasa mengikut negeri adalah diterima akan tetapi bagi ciri dan bentuknya masih sama juga (Pantun dan puisi lama Melayu, Sugiarto, 2016).

Selain itu, menurut Harun Mat Piah (1989) membahaskan pantun adalah puisi Melayu Tradisional dari segi genre dan fungsinya. Beliau juga mengatakan bahawa pantun merupakan satu genre kesusasteraan Melayu lama kerana pantun dibahagikan melalui beberapa aspek iaitu aspek dalaman dan juga aspek luaran. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek dalaman ini meliputi unsur estetik bagi isu bagi tema dan persoalan manakala unsur luaran pula penggunaan lambang-lambang tertentu yang menggambarkan hubungan dan makna antara maksud dan pembayang sama ada secara abstrak mahupun konkrit. Sementelahan, tema dan persoalan selalunya menyentuh hampir keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu. Unsur luaran pula dapat diperlihatkan melalui bilangan baris satu rangkap, rima akhir, jumlah perkataan dalam satu ayat dan sebagainya.

Pantun boleh dianggap sebagai tradisi bagi budaya masyarakat Melayu kerana ianya merupakan kreativiti dan kemantapan pemikiran orang-orang Melayu. Sarjana-sarjana Barat amat meminati bagi menyelidik dan ingin mengenali pantun Melayu lebih mendalam terhadap keindahan pantun (Francois-Rene Daillie, 1988).

Pantun merupakan sebuah pantun, malah mempunyai jenis-jenis pantun yang baik dan pembayang maksud dan maksud pantun saling berkait antara satu sama lain. Pantun merupakan wadah bagi orang Melayu dalam mencerminkan falsafah, pemikiran, sikap dan perasaan mereka (Zainal

Abidin bin Ahmad atau Za'ba, 1965). Jelaslah bahawa masyarakat Melayu mengekspirasikan perasaan mereka melalui penciptaan pantun.

Menurut Omarudin Haji Asha'ri dalam buku *Kajian Pantun Melayu (1961)* membicarakan mengenai aspek-aspek pantun dari segi jenis pantun, sifat-sifat pantun, cara-cara mengarang pantun dengan baik dan kedudukan pantun diposisi masyarakat Melayu. Beliau juga mengatakan bahawa pantun ini telah lama digunapakai dalam masyarakat Melayu dahulu dan kini. Kehadiran pantun Melayu wujud sebelum adanya masyarakat Melayu tahu menulis dan membaca dan ianya digunakan sebagai alat komunikasi untuk menzahirkan perasan masyarakat Melayu ketika itu.

Jika ingin memahami perasan orang Melayu, kita perlu selami dan faham akan pantunnya. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang mampu menyelami dan memahami perasaan, bahasa, pengetahuan dan aliran fikiran orang Melayu ini melalui pantun-pantunnya (R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt, 1961). Sementelahan, Winstedy dan Wilkinson telah memberi tumpuan sepenuhnya terhadap penghasilan dan pembentukan pantun. Perkara ini berlaku kerana sarjana Barat berpendapat penghasilan pantun Melayu ini menggunakan bahasa yang halus bagi menghubungkan makna kerana pembayang maksud mengandungi fikiran yang indah dan mempunyai kesenian tersendiri dan pantun mengandungi dua jenis iaitu bayangan bunyi dan *methapor*.

2.3 Kajian Lepas: Kajian Mengenai Pantun Teka Teki

2.3.1 Tesis

Tanda, Penanda dan Petanda dalam entelah Iban yang dihasilkan oleh Patricia Anak Ganing (2016) mengkaji teka-teki mempunyai fungsi yang tersendiri kepada masyarakat penuturnya. Hal ini dikatakan demikian kerana semua teka-teki yang ada di dunia mempunyai fungsi umum dimana ianya menguji minda, hiburan, pendidikan dan sebagainya. Namun demikian, ianya memiliki persamaan dari beberapa aspek fungsi akan tetapi teka-teki diseluruh pelusuk dunia memiliki perbezaan dari segi bentuk pernyataan dan penyampaiannya. Pengkaji merasakan teka-teki setiap bangsa di dunia memiliki keunikkan dan kreativiti serta keindahannya yang tersendiri.

Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap kajian lepas mengenai tesis pantun teka-teki. Setakat ini pengkaji hanya menjumpai satu tesis yang berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji. Ianya berlaku kerana kekurangan pencarian dan penganalisan mengenai tesis ini.

2.3.2 Artikel / Jurnal

Menurut Trisnawati (2019) kajiannya yang bertajuk *Analisis Jenis-Jenis dan Fungsi Pantun dalam Buku Mantra Syair dan Pantun di Tengah Kehidupan Dunia Moden Karya Korrie Layun Rampan*. Pengkaji mengkaji puisi Melayu lama bagi mengetahui isi pantun dan mentafsirkan jenis serta fungsi-fungsinya. Pelbagai jenis pantun dikaji oleh pengkaji antaranya ialah pantun teka-teki yang membawa fungsi sebagai alat untuk menguji kepandaian pembaca dalam berfikir. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis pantun akan tetapi masih mempunyai ciri-ciri yang sama seperti tiap baris terdiri lapan sehingga 12 suku kata, rima akhirnya a-b-a-b dan sebagainya.

Studi Identifikasi Jenis-Jenis Pantun dalam Masyarakat Kaur Provinsi Bengkulu oleh Apriansah, D., Muktadir, A., & Lusa, H. (2018). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpati rima bahasa Kaur yang bersesuaian dalam masyarakat Kaur. Terdapat pelbagai jenis pantun yang dikaji oleh pengkaji antaranya Pantun Teka-Teki, Pantun Nasihat, Pantun Kasih Sayang dan sebagainya. Di samping itu, bagi mengenali pantun teka-teki adalah dua baris terakhir berbentuk pertanyaan. Ianya kerana pantun teka-teki ini berbentuk pertanyaan yang kebiasaanya digunakan dalam melatih dan mendidik kemampuan masyarakat dalam befikir bagi mencari jawapan dari pertanyaan yang termaktub dalam pantun. Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap kajian lepas mengenai artikel / jurnal pantun teka-teki. Setakat ini pengkaji hanya menjumpai dua sahaja

yang berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji. Ianya berlaku kerana kekurangan pencarian dan penganalisan mengenai artikel / jurnal ini.

2.3.3 Buku / Majalah dan lain-lain

Pantun teka-teki adalah pantun yang mengandungi teka-teki atau suatu pertanyaan yang disampaikan dalam bentuk pantun. Sebuah pantun yang dihasilkan mampu membuat para khalayak bertanya-tanya akan jawapan yang bersesuaian berdasarkan pernyataan yang dinyatakan. Namun demikian, pantun teka-teki ini biasanya digolongkan dalam permainan yang berbentuk jenis karya sastera. Ianya kerana isi yang terkandung dalam pantun teka-teki boleh mengandungi soal objek, alam sekitar atau teka-teki mengenai mengasah daya berfikir manusia, (Detikedu, 2022).

Khabar Harian (2021) berpendapat pantun merupakan rangkaian kata-kata indah yang mengandungi nasihat, sindiran, dan lain-lainnya. Pantun ini merupakan karya yang menghiburkan serta menegur secara halus kepada komuniti. Oleh sebab itu, penggunaan bahasa yang halus ketika berkomunikasi disusun dengan sebaiknya sehingga menarik minat untuk mendengar dan membacanya. Walau bagaimana pun, pantun ini dikelompokkan kepada beberapa jenis antaranya pantun teka-teki yang mempunyai teka-teki dan pendengar atau pembaca diberi kesempatan untuk menjawab atau ingin membalas diberikan kesempatan untuk menjawab. Oleh itu, pantun teka-teki adalah pantun yang dihasilkan dengan

menyelitikan persoalan yang meminta pembaca atau pendengar menyelesaikan menggunakan kebijaksanaanya.

Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap kajian lepas mengenai buku dan sumber yang berkaitan mengenai pantun teka-teki. Setakat ini pengkaji hanya menjumpai dua sahaja yang berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji. Ianya berlaku kerana kekurangan pencarian dan penganalisan mengenai tajuk yang ingin dikaji.

2.4 Kajian Lepas: Kajian Mengenai Teori Puitika Sastera Melayu

2.4.1 Tesis

Siti Nur Syakira (2023) yang bertajuk *Nilai Estetika dalam Pantun Kanak-kanak Adik Sayang Pantun: Penerapan Puitika Sastera Melayu* yang mengkaji pantun kanak-kanak yang mempunyai estetikanya melalui teori Puitika Sastera Melayu. Nilai estetika yang terdapat dalam kajian adalah keindahan imaginasi manusia yang mampu mentafsir sesuatu perkara atau bidang tertentu dengan mengetahui ciri-ciri estetika yang digunakan malah nilai estetika dan keindahan hadir berdasarkan pemikiran pengarang dalam menyampaikan makna dalam pantun yang dihasilkan. Pantun kanak-kanak yang dihasilkan merupakan pengajaran serta pembelajaran bagi tumbesaran kanak-kanak.

Selain itu, *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu Bingkasan Pertama* oleh Eizah Mat Hussain (2016). Pengkaji menggunakan pendekatan Puitika Sastera Melayu oleh gagasan Muhammad Haji Salleh. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji menggunakan salah satu prinsipnya iaitu Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu bagi mengungkap pantun dari makna dan simbol yang dihasilkan dalam pantun. Terdapat tiga sub-prinsip iaitu kiasan, dunia yang luas dipadatkan dan dunia yang berjodoh yang memperlihatkan keindahan pantun. Ini kerana sesetengah pantun sukar difahami dan menyebabkan masyarakat susah

memahami makna yang ingin disampaikan malah simbol-simbol yang digunakan dalam pantun adalah simbol tumbuhan dan haiwan yang mempunyai makna tersirat dan tersurat yang perlu ditafsirkan secara jelas. Jelaslah bahawa pengkaji menyatakan bahawa pantun Melayu ini mengikut orang Melayu untuk mendalami simbol dan makna yang dinyatakan dalam pantun.

Seterusnya, *Kajian Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau, Indonesia* oleh Efrizal A.S (2012). Kajian ini dijalankan bagi menggabungkan beberapa perkara dalam teori Puitika Sastera Melayu dan menggabungkan pendekatan yang dikeluarkan oleh Braginsky (1998) sekali gus pandangan Sidi Gazalba (2002). Makalah menerangkan aspek estetika sosial budaya masyarakat yang menjadi fokus utama terhadap fungsi cerita, analisis khalayak dan kata-kata yang indah. Pengkaji juga menggunakan prinsip Puitika Sastera Melayu iaitu Khalayak di Serambi Pentas.

Abdul Halim Ali (2011) kajian yang bertajuk *Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional* yang menggunakan teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh dan I.V. Braginsky bagi idea estetika iaitu erti keindahan dalam kesusasteraan tradisional. Kajian ini mengkaji perbezaan yang ketara diantara kedua-dua tokoh yang memberi konsep terhadap keindahan dalam kesusasteraan tradisional disebabkan perbezaan pendekatan. Keindahan dalam pantun seakan memberi gambaran secara awal terhadap konsep dan makna sastera

Melayu tradisional (Muhammad Haji Salleh, 2000). Oleh itu, memberikan pandangan yang berbeza mengikut teks sastera mengikut unsur-unsur yang mempengaruhi dan keindahan dalam kesusasteraan Melayu.

Muhammad Haji Salleh: A Poet in Two Languages oleh Nurzeti Ghafar (2001) membahas mengenai kelebihan dan kehebatan Muhammad Haji Salleh sebagai tokoh dalam bidang sastera. Beliau adalah seorang penyair dan penterjemah bahasa untuk membandingkan dua buku iaitu *Penjalanan Si Tanggang II* dan *The Travel Journals of Si Tanggang II*. Hal ini disebabkan persamaan dan perbezaan makna puisi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berdasarkan penghasilan puisi Muhammad Haji Salleh. Sementelahan, Nurzeti Ghafar turut menganalisis pemikiran Muhammad Haji Salleh yang ada dalam puisi-puisinya. Kajian memfokuskan kepada penterjemahan makna puisi dari bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris yang dicipta oleh Muhammad Haji Salleh.

2.4.2 Artikel / Jurnal

Kajian yang dilaksanakan oleh Ghazali Din dan Abdul Halim Ali (2020), *Naluri Kemasyarakatan mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu* mengenai sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh yang telah mengangkat martabat orang Melayu. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh Muhammad Haji Salleh memberi sumbangan besar terhadap

minda masyarakat Melayu kerana puisinya mencerminkan pemikiran dan pembangunan minda bangsa Melayu. Disebabkan kebijaksanaan beliau telah menampilkan sebagai pengarang yang berintelektual Melayu. Oleh itu, puisi-puisinya mampu menempuhi persada dunia kerana pembangunan mindanya dan peradaban Melayu.

Menurut Pui Wen Hang (2020), kajian mengenai *Analisis Pemikiran Melayu dalam Pantun Kanak-kanak berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu* yang membincangkan kepada enam prinsip yang terdapat dalam Teori Puitika Sastera Melayu yang dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji bertujuan untuk menonjolkan pantun yang mempunyai kosa kata yang luas dah dunia mengenali akan pantun ini. Setiap bait-bait yang dibina adalah tidak meleret sehinggakan pembaca mahupun pendengar leka. Jelaslah bahawa pantun merupakan lambang yang menampilkan kebijaksanaan dan jiwa orang Melayu yang sebenar.

Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti oleh Hashim Ismail (2019) yang mengkaji mengenai teori sastera tempatan yang dipelopori oleh Muhammad Haji Salleh (1989). Teori tersebut mempunyai ciri-ciri yang istimewa yang mampu diterokai dan digunakan dalam analisis pengkarya yang bersifat bijaksanaan sarjana tempatan. Sementelahan itu, teori Puitika Sastera Melayu adalah pengakhiran daripada hasil kepengarangan sastera Melayu dan menampilkan ciri-ciri sastera yang

diterokainya. Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis kesesuaian dan kekuatan serta kelemahan sama ada teori ini hanya bersandarkan keindahan dari aspek-aspeknya sahaja atau tidak menekankan aspek ketuhanan.

Hikayat Char Darwis: Kajian berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Khatijah Mohamad Yatim (2016). Kajian ini menceritakan nilai-nilai keindahan yang menggunakan prinsip "Perkataan yang Indah-indah" dalam Hikayat Char Darwis. Pengkaji ingin mengkaji unsur alat bahasa sastera, cara pengarang merendah diri dalam menyampaikan sesuatu perkara, bahasa yang digunakan adalah halus dan sempurna. Setiap aspek yang dikaji mengikut prinsip yang dipilih bagi menonjolkan sisi sastera dari perspektif yang berbeza. Kajian ini mengutamakan dengan Teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh.

2.4.3 Buku / Majalah dan lain-lain

Menurut Muhammad Haji Salleh (2000) Keindahan dan teknik seseorang dalam penghasilan pantun mempunyai makna dan kebijaksanaan orang Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini meletakkan estetika dan keindahan pada kekuatan bahasa yang digunakan bagi merumuskan gambaran yang ingin disampaikan kepada khalayak dengan gaya dan cara yang indah. Pantun Melayu antara warisan lama yang dikekalkan sehingga kini kerana daya kreatif berfikir dan kebijaksanaan digunakan bagi menghasilkan pantun. Oleh itu, tidak diduga lagi bahawa kebijaksanaan

dalam menghasilkan sesuatu yang indah tidak mustahil kerana masyarakat kini mempunyai kebijaksanaan yang tersendiri.

Pantun yang baik merupakan pantun yang mencerminkan situasi masyarakat pada zaman itu, Muhammad Haji Salleh (2000). Hal ini dikatakan demikian kerana citra pantun yang disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti sindiran, mengejek, dan sebagainya mengikut kesesuaian. Pantun juga dibahagikan kepada dua iaitu pantun empat kerat dan pantun empat kerat. Pembayang pantun empat kerat adalah dua baris pertama malah dua baris terakhir adalah maksudnya. Pantun dua kerat pula, disampaikan mengikut lontaran pembacaan pantun mengikut alunan muzik tertentu.

Seterusnya, menurut Muhammad Haji Salleh (2000), menggunakan istilah yang tepat dan mudah difahami oleh pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana satu situasi yang tidak bertentangan dan tidak melihatnya sebagai sesuatu yang pelik disebabkan penggunaan istilah yang benar. Sementelahan itu, istilah yang digunakan perlu mengikut kesesuaian dan tidak boleh berlebihan. Pengarang menghasilkan karyanya dengan kepelbagaian seperti irama, bentuk, unsur-unsur metafora dan seangkatan dengannya. Jelaslah, pengarang perlu mencari identiti yang tersendiri bagi menghasilkan karya yang mampu diukur melalui nilai-nilainya.

Pembayang membawa maksud yang samar-samar malahan ianya boleh diimajinasikan oleh para khalayak yang mendengar dan menghayati

tiap-tiap bait yang dipersembahkan (Muhammad Haji Salleh, 1999). Mainan kiasan yang digunakan menjadi salah satu info kepada pendengar ketika seseorang itu ingin menegur. Teknik yang digunakan oleh pengarang adalah unik kerana mempunyai gaya yang tersendiri dalam penyampaiannya secara halus.



2.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pantun merupakan karya sastra yang dikenali dari zaman nenek moyang dahulu lagi. Tidak disangkal lagi dengan keberadaannya di mata dunia. Walau bagaimanapun, pengertian bagi makna-makna pantun mengikut sarjana-sarjana yang dikaji mengenai pantun. Pelbagai pandangan yang boleh digunakan terhadap sesuatu makna bagi menambah ilmu kepada pengkaji dalam mengkaji kajian ini. Walau bagaimana pun, teori yang dipilih oleh pengkaji adalah tepat berdasarkan pemerhatian dan penelitian bagi sorotan kajian yang dilaksanakan. Berdasarkan sorotan kajian lepas, pengkaji mendapat pelbagai maklumat untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan kajian ini.

BAB 3

Metodologi Kajian

3.1 Pendahuluan

Metodologi adalah satu kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian terhadap sesuatu kajian yang tertentu, (Hornby, 1985). Hal ini dikatakan demikian kerana ianya merupakan cara yang sistematik dan terperinci mengenai sesuatu penelitian yang dikaji. Metodologi adalah analisis teoritis sebuah metode, akan tetapi penelitian merupakan penyelidikan ilmiah yang terancang dan sistematik untuk mengembangkan ilmu pengetahuan yang diperoleh, Asep Kurniawan, (2018). Ianya seakan-akan upaya yang disalurkan secara sistematik bagi menyelidik persoalan yang memerlukan jawapan secara ilmiah. Oleh hal yang demikian, bab tiga akan membahas mengenai proses dalam memperoleh data, mencari data, menggunakan data menyimpulkan data yang diperoleh sehinggalah ianya bertitik tolak terhadap tujuan penelitian serta cara yang digunakan untuk menganalisa melalui unsur kebijaksanaan dalam *Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki* bagi mendapatkan hasil daripada kajian yang dilaksanakan. Bahagian ini juga memperincikan struktur kajian, kaedah kajian dan kaedah menganalisis teks. Seterusnya, kaedah pengumpulan data pula, diguna pakai untuk menganalisa dan kaedah tersebut dibahagikan kepada beberapa langkah iaitu melakukan pembacaan

data dengan merujuk teks yang dipilih dari koleksi *Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki*. Kemudian, pemilihan data akan dilaksanakan bagi menilai data tersebut bersesuaian mengikut objektif kajian yang telah dikenal pasti. Walau bagaimanapun, cara penggunaan teori Puitika Sastera Melayu digunakan dalam meneliti kebijaksanaan orang Melayu dalam penghasilan pantun yang diselitkan dalam teka-teki.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah satu tatacara pengolahan data yang dikutip dan dikumpul berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian, Kerlinger (1970). Hal ini dikatakan demikian kerana reka bentuk kajian ini telah ditentukan oleh tujuan kajian. Tambahan pula, ianya akan merujuk kepada bagaimana cara pengkaji mengendalikan kajian serta prosedur mahupun teknik-teknik yang digunakan bagi menjawab kepada soalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian ini adalah bagi mengawal punca-punca biasa yang boleh mengganggu dapatan kajian kelak, McMillan & Schumacher (1984). Tambahan pula, menurut Ezhar Ithdzzuddin (2022) reka bentuk kajian direka untuk mengetahui hala tuju yang bakal dijalankan mengikut prosedur yang tersusun dan betul. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif semasa meneliti, mengumpul serta menganalisa maklumat-maklumat dan data yang diperolehi oleh pengkaji. Kajian kualitatif adalah reka bentuk yang dianggap baru kerana istilah jarang ditemui pada awal tahun 2000 '*kajian kualitatif*', Wolcott (2009). Menurut Robson (2011) reka bentuk kajian kualitatif berkembang dan membangun seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif merupakan kajian mengenai persoalan atau pernyataan, bukanlah hipotesis. Seterusnya, kajian ini melibatkan penaklukan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu serta kajian ini biasanya menggunakan persoalan seperti, bagaimana, apa dan mengapa. Metode sering mengaitkan rekabentuk kajian kualitatif ini disesuaikan dalam bidang sains sosial seperti etnografi, histografi dan sosiologi kualitatif.

Selain itu, reka bentuk kajian ini juga mampu menyelesaikan permasalahan dari perspektif yang logik dan tidak logik semasa kajian dilaksanakan dan ianya merupakan satu kaedah yang disusun rapi bagi menjelaskan proses kajian yang dijalankan ini. Malahan, pengkaji juga memfokuskan sepenuhnya pada bahagian rekabentuk kajian, persampelan, pengumpulan data serta analisis data. Begitu juga dengan kaedah-kaedah yang terdapat dalam rekabentuk kajian seperti yang dinyatakan di bawah;

i. Kajian Lapangan

Kerja lapangan merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan yang mempunyai teori dibawa ke persekitaran di mana ia diterapkan atau dikenal pasti. Ianya merupakan analisa sepanjang catatan yang bukan hanya memberikan definisi yang bersesuaian dengan ketepatan ciri-cirinya tetapi mengembangkan tahapnya dan mencari teknik yang membolehkannya dijalankan dengan berkesan.

ii. Analisis Naratif

Menurut Webster dan Metrova (2007) naratif (*narrative*) adalah suatu metode penelitian dalam ilmh-ilmu sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana kemampuan untuk memahami identiti dan pandangan dunia terhadap cerita-cerita naratif yang didengarkan atau dituturkan dalam pelbagai bentuk. Menurut James Schreiber dan Kimberly Asner-Self (2011) yang mengkaji mengenai kehidupan individu seperti yang

diceritakan melalui kisah-kisah pengalaman mereka, termasuk perbincangan mengenai makna-makna pengalaman bagi individu.

iii. Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ini merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pemerhatian adalah alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik serta temuduga. Kaedah ini dapat membantu pengkaji memerhati sampel-sampelnya dalam tempoh masa yang tertentu. Oleh itu, kaedah pemerhatian ini banyak digunakan dalam bidang sains tulen yang menjalankan kajian dalam makmal sains dan bidang sains sosial.

iv. Dokumentasi

Menurut Mojtaba Vaismoradi (2013) mengenai artikelnya iaitu *Content Analysis and Thematic Analysis: Implications for Conducting A Qualitative Descriptive Study* mengatakan dokumentasi berkembang sejak awal 50-an daripada bidang sastera, sains sosial dan seterusnya ke bidang-bidang lain, Krippendorff (2004). Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006) mendefinisikan analisis ini sebagai teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks kerana mempunyai bukti berdasarkan bahan-bahan yang diperoleh bagi konteks yang diguna pakai. Dokumentasi adalah alat saintifik yang melibatkan prosedur-prosedur khusus yang bertujuan menyediakan

pandangan baru serta meningkatkan kefahaman pengkaji berkaitan sesuatu perkara.

Oleh itu, beberapa kaedah yang terdapat dalam reka bentuk kajian bagi melaksanakan kajian. Pengkaji telah memilih kaedah dokumentasi bagi membantu kajiannya kerana kaedah dokumentasi mempunyai ciri-ciri yang dapat memperoleh maklumat bagi kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

3.2.1 Dokumentasi

Menurut Bryman & Bell (2007) dokumentasi adalah kajian yang telus kerana skema pengkidan dan prosedur persampelan boleh ditetapkan dengan jelas. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis ini membenarkan menganalisis nilai atau corak serta perubahan yang berlaku dalam suatu jangka waktu yang boleh dijalankan. Malahan, dokumentasi ini mempunyai dua fungsi iaitu sebagai teknik kajian iaitu pengumpulan data dan berfungsi sebagai alatan analisis data dokumen. Walau bagaimanapun, kajian ini menekankan kepada kaedah dokumentasi terhadap penelitian teks. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis yang dilakukan terhadap teks berdasarkan *Pantun Pak Nazel Beirama dengan Teka-Teki* karya Nazel Hashim Mohamad.

Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah analisis ini merujuk kepada bahagian yang dipilih oleh pengkaji untuk dijadikan bahan rujukan semasa melaksanakan kajian. Oleh itu, teks yang dipilih dalam *Pantun Pak Nazel Beirama dengan Teka-teki* dikaji dengan lebih teliti untuk dijadikan bukti menjurus mengikut panduan objektif kajian. Teks *Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-teki* dipilih menjadi panduan utama kerana pantun mahupun teka-teki diklasifikasikan sebagai genre puisi Melayu tradisional. Seseorang pencipta memerlukan bakat, ilmu dan kebijaksanaan yang tinggi dalam menghasilkan kedua-dua genre puisi ini. Malahan, teka-teki terdapat dalam dua bentuk iaitu prosa dan juga puisi yang lazimnya dalam berupa pantun. Walaupun usia Pak Nazel sudah lanjut, beliau Berjaya melahirkan karya sulung pantun teka-teki dengan kehadiran 15 buah pantun kesemuanya dengan pertambahan 310 rangkap bagi meningkatkan jumlah rangkap ciptaan pantun kepada 13,177.

Seterusnya, teori Puitika Sastera Melayu telah dipilih oleh pengkaji kerana teori ini unik kerana ianya digagaskan oleh seorang tokoh yang mempunyai pengalaman hebat. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini mempunyai ciri-ciri utama iaitu satu tanda yang memberi kelebihan dalam membezakan sesuatu hal. Teori Puitika Sastera Melayu ini mempunyai ciri-ciri yang dijadikan rujukan dan panduan dalam mengkaji mengenai nilai estetika. Hal ini dikatakan demikian kerana teori adalah keindahan dalam mendidik atau mengajar, keindahan dalam penceritaan, keindahan dalam rasa, keindahan dalam mengungkapkan kesedihan dan kesusahahan serta

keindahan yang asli. Ciri-ciri ini telah ditetapkan oleh Muhammad Haji Salleh bagi menjadi tunjang utama kepada asas Puitika Sastera Melayu serta ianya meliputi semua berkaitan mengenai karya, pengarang, estetika, khalayak dan bangsa pemiliknya. Akhirnya, teori Puitika Sastera Melayu ini menghuraikan mengenai ciri-ciri dan keindahan yang terdapat dalam pelbagai aspek.

Oleh itu, kaedah dokumentasi adalah pendekatan yang amat penting dalam sesebuah penyelidikan. Keberkesanan terhadap kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk mengumpul dan menyimpan data yang diperolehi.

3.3 Cara Pengumpulan Data

Menurut Izham Shafie (2008) data merupakan maklumat berangka yang diperlukan untuk membuat keputusan yang baik dalam situasi tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat-maklumat yang diperolehi adalah penting untuk digunakan dalam proses pembuatan keputusan. Terdapat banyak kaedah yang digunakan untuk memperoleh data. Sepanjang kajian dilaksanakan data penelitian yang berasal daripada pelbagai sumber dapat dikumpulkan melalui pelbagai teknik. Jika tiada data yang diperolehi, kajian tidak dapat dijalankan secara langsung kerana tidak bahan yang boleh dirujuk. Walau bagaimanapun, beberapa kaedah pengumpulan data yang dipilih oleh pengkaji sebelum melaksanakan kajian ini. Oleh itu, data yang dikumpulkan oleh pengkaji akan selari dan persoalan terjawab serta objektif dapat dicapai.

3.3.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan tertumpu kepada pencarian maklumat di perpustakaan. Pengkaji mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga perpustakaan yang berdekatan. Kaedah ini dijalankan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan buku atau bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Cara ini telah menyumbang kepada penelitian dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti tesis, jurnal, buku-buku ilmiah, artikel dan dokumen bertulis yang lain. Dokumen yang diperoleh pengkaji akan dianalisa dengan sebaik mungkin dari sumber-sumber yang digunakan dari kajian lepas.

3.3.2 Analisis Dokumen

Analisis dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian adalah perkara yang dilakukan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat. Kaedah ini memerlukan pemerhatian yang terperinci dan baik agar tidak melanggar etika semasa penulisan dalam kajian. Setiap aspek diambil bagi memudahkan pengkaji untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan kajian bagi melengkapkan hujahnya kelak. Maklumat yang diperoleh oleh pengkaji mungkin dalam pelbagai bentuk seperti bentuk tulisan, gambar, rajah, simbol dan lain-lain yang berkaitan. Analisis dokumen ini dapat mengutip maklumat yang tepat berkaitan kajian pengkaji serta memastikan semua sumber maklumat yang diperoleh adalah tepat.

Kaedah analisis ini adalah tentang memilih bahagian tertentu dalam buku untuk dikaji dengan teliti. Dalam hal ini, pengkaji memilih pantun-pantun yang bersesuaian dalam buku *Pak Nazel Beirama dengan Teka-teki* kerana ia merupakan pantun yang sangat istimewa. Pengkaji ingin menggunakan pantun-pantun ini sebagai bukti kajian penyelidikan. Pak Nazel sangat berbakat dan berpengetahuan dalam membuat pantun jenis ini. Walaupun sudah meningkat usia, beliau mampu menghasilkan 15 buah puisi baharu dengan jumlah 310 rangkap, menjadikan jumlah keseluruhan puisi yang pernah dibuatnya sebanyak 13,177 buah.

Teori Puitika Sastra Melayu dipilih oleh pengkaji kerana ia unik dan dicipta oleh seseorang tokoh iaitu Muhammad Haji Salleh yang memiliki pelbagai pengalaman dalam hidup beliau. Teori ini dapat membantu pengkaji untuk memahami dan menghayati keindahan sastra Melayu. Malahan, ia mengajar kita cara bercerita dengan indah, meluahkan emosi seperti kesedihan dan kesusahan, dan menghargai keaslian karya. Teori ini merangkumi segala-galanya yang berkaitan dengan puisi, orang yang menulisnya, bagaimana rupanya, siapa yang membacanya, dan negara miliknya. Secara keseluruhannya, teori tersebut membantu pengkaji melihat dan menghayati keindahan di bahagian-bahagian yang berlainan dalam kesusasteraan Melayu.

3.3.2.1 Teks

| Jenis Pantun Teka-teki | Tema | Jumlah |
|-----------------------------|----------------|-----------|
| Tumbuh- tumbuhan | Cili | 1 |
| | Kunyit | 1 |
| | Kundur | 1 |
| | Jantung Pisang | 1 |
| | Nanas | 1 |
| | Betik | 1 |
| | Manggis | 1 |
| | Limau | 1 |
| | Durian | 1 |
| | Delima | 1 |
| | | 10 |

(Jadual 3.1: Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Tumbuh-tumbuhan)

| Jenis Pantun Teka- teki | Tema | Jumlah |
|----------------------------|-------------|-----------|
| Binatang | Kura-kura | 1 |
| | Harimau | 1 |
| | Itik | 1 |
| | Pacat | 1 |
| | Labah-labah | 1 |
| | Lintah | 1 |
| | Ikan | 1 |
| | Udang Galah | 1 |
| | Ketam | 1 |
| | Gajah | 1 |
| | | 10 |

(Jadual 3.2: Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Binatang)

| Jenis Pantun Teka-teki | Tema | Jumlah |
|-------------------------------|-------------|---------------|
| Anggota Badan | Kepala | 1 |
| | Lintah | 1 |
| | Mata | 1 |
| | Gigi | 1 |
| | | 4 |

(Jadual 3.3: Jenis dan bilangan pantun teka-teki bagi Anggota Badan)

(Sumber: Nurzahila binti Abu Bakar)

Jadual 3.1, 3.2 dan 3.3 telah mengklasifikasikan pantun teka-teki yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan jenis-jenis yang dipilih seperti Tumbuh-tumbuhan, Binatang dan Anggota Badan berdasarkan koleksi Pantun Pak Nazel. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif terbatas kerana hanya pada teks *Pantun Pak Nazel* dengan berpandukan teori yang dipilih. Kajian yang dilakukan adalah berkait rapat dengan kaedah analisis terhadap teks. Di atas telah dinyatakan oleh pengkaji terhadap pemilihan teks yang ingin dikaji. Analisis teks adalah proses untuk membaca dan memahami teks yang ditulis oleh individu. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis teks dapat mengklasifikasikan, memilih, mengumpul maklumat daripada teks untuk mengidentifikasikan hubungan serta pengetahuan. Dengan menggunakan cara ini, analisis teks dapat dilakukan dengan efisien untuk menganalisis data yang diperoleh daripada *Pantun Pak Nazel Beirama dengan Teka-teki*. Oleh itu, pengkaji menggunakan bahan yang dipilih sebagai bahan utama terhadap

keberkesanan kajian seiring mencapai objektif yang terkandung dalam kajian ini.

3.3.2.2 Artikel/Jurnal/Buku

Analisis dokumen bagi artikel, jurnal dan buku telah digunakan sepanjang kajian dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana bahan-bahan yang didapati daripada analisis dokumen dapat membantu pengkaji dalam pengumpulan data. Semua data dan sumber dikumpul sebagai bahan rujukan dan bahan bacaan diperolehi daripada sumber kepustakaan iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang diakses melalui internet. Jelaslah bahawa penggunaan sumber-sumber rujukan yang diperolehi dapat membantu pengkaji mengumpul data yang diperlukan bagi menjawab persoalan dan untuk mencapai objektif kajian.

3.3.2.3 Sumber Internet

Sumber internet juga membantu pengkaji untuk mengumpul dan mencari maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Kaedah ini adalah untuk membantu pengkaji dengan menggunakan teknologi yang diperkenalkan dengan cara yang lebih mudah dan pantas. Tambahan pula, pengkaji menggunakan laman sesawang untuk memperolehi maklumat penting seperti *Google Scholar*, *Malaysian Thesis Online (MyTO)*, *DISCOL UMK*, *MYSFACE* dan sebagainya. Oleh itu, penggunaan sumber internet ini

memberikan impak positif terhadap pengumpulan data bagi mencari jawapan serta menjaga kesahihan data yang diperoleh melalui kajian ini.

3.4 Penerapan Teori

Menurut Kamus Bahasa Melayu (2021) teori merupakan pendapat yang bersifat memberikan pandangan yang tidak dapat dibuktikan dengan kukuhnya serta mampu dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara dan sebagainya. Teori ditakrifkan dari sudut yang tidak luas sebagai satu himpunan posisi yang berkait secara sistematik dan boleh diuji, Rudner (1966) dan Troye (1994) teori merupakan luas kerana seakan andaian tentang hubungan antara konsep-konsep. Malahan, McMillan Schumacher (1984) mendefinisikan teori secara umum sebagai satu penjelasan atau pemerian yang sistematik dan terancang saling bergantung antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, teori dihasilkan oleh sarjana-sarjana hebat dari bidang mereka sendiri dan mempunyai hujah yang mantap yang mampu menjelaskan sesuatu perkara. Oleh itu, pengkaji mengaplikasikan teori Puitika Sastera Melayu bagi menjadi dasar penting dalam kajian ini.

3.4.1 Pengenalan Teori Puitika Sastera Melayu

Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh (1942). Beliau merupakan seorang professor sastera Melayu di Universiti Sains Malaysia. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana kira-kira akhir tahun 1989, Muhammad Haji Salleh telah mencapai

kejayaan yang membuat penerokaan teori sastera tempatan sekali gus digelar pelopor tempatan. Kemudian, pada tahun 1989 juga, beliau memperkenalkan gagasannya iaitu Puitika Sastera Melayu yang diceritakan secara terperinci dalam buku Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang puitika mahupun teori Puitika Sastera Melayu ini adalah wacana yang terbaharu di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji-pengkaji mahupun rakyat umumnya lebih mengenali sarjana Barat berbanding sarjana tempatan. Oleh itu, Muhammad Haji Salleh mengambil inisiatif untuk mula memahami dengan lebih lanjut sebelum adanya teori Puitika Sastera Melayu kepada golongan pengkaji dan sastera

Walau bagaimanapun, Muhammad Haji Salleh percaya karnival dan perayaan tradisional Melayu umpama perbualan antara seni dan kehidupan. Idea ini menunjukkan bahawa mereka tidak terhad kepada satu budaya atau tempoh masa sahaja. Ia juga memberi inspirasi kepada konsep kesusasteraan sejagat. Muhammad Haji Salleh memahami bagaimana kepintaran dan keindahan dapat dilihat dalam puisi Melayu. Malah, puisi Melayu dilihat sebagai cara untuk meluahkan emosi dan berhubung dengan khalayak. Ini penting untuk orang Melayu merasai jati diri dan nilai.

Teori Puitika Sastera Melayu bertunjangkan kepada lapan perspektif utama seperti yang dinyatakan;

1. Takrif fan Istilah
2. Fungsi Karya Sastera
3. Genre
4. Perkataan yang Indah-indah
5. Teks
6. Memperbaharui Pengarang
7. Yang Indah-Indah: Estetika Sastera Melayu
8. Khalayak di Serambi Pentas

Lapan perspektif utama adalah hasil daripada pemikiran Muhammad Haji Salleh berharap khalayak dan pengkaji menggunakan ilmu-ilmu yang dikongsikan sebagai petunjuk bagi membincangkan konsep keindahan-keindahan orang Melayu.

Pengkaji telah memilih prinsip yang ketujuh untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan kajian ini berdasarkan ciri-ciri keindahan dan unsur keindahan yang dinyatakan oleh Muhammad Haji Salleh seperti berikut;

Ciri-ciri keindahan yang dipilih;

1. Dunia Luas yang Dipadatkan – hasil seni membolehkan pengalaman dunia yang besar serta mengambil jangka waktu yang lama, pergerakan fikiran sama ada perlahan atau berlarutan yang pada akhirnya menyimpulkan beberapa citra, baris dan perkataan.
2. Mainan, Kiasan dan Saranan – strategi pemaknaan secara canggih melayangkan citra dan makna dihadapan mata kasar dan mata hati khalayaknya.
3. Dunia Berjodoh – prinsip harmoni sebagai asas. Nilai ini terbahagi kepada dua, i) dunia alam raya ii) dunia manusia.
4. Sama Ukuran – prinsip harmoni dan berimbang. Nilai-nilai ini perlu dijadikan asas bagi mrnghasilkan sebuah pantun yang baik. Yang bertentangan pada akhirnya, hampir-hampir seperti cerita moralistik yang baik.
5. Muzik Seiring Kata – berkaitan dengan beberapa unsur seperti melodi, rima dan irama.
6. Sesuai dan Patut – nilai keindahan yang sering ditemui dalam mukadimah karya Melayu yang sering menyebut “patut”. Istilah-istilah yang bermaksud bersesuaian dengan keadaan, tidak melawan arus atau tidak janggal.


3.4.2 Kaedah Analisis

Kaedah analisis ini adalah tentang bagaimana penyelidik memilih bahagian tertentu untuk dikaji dan digunakan sebagai bukti dalam penyelidikan mereka. Dalam hal ini, mereka mengkaji dengan teliti puisi dan teka-teki dalam buku Pak Nazel Beirama untuk membantu mereka dalam kajian mereka. Mereka memilih buku ini kerana ia mempunyai kedua-dua rima dan teka-teki, iaitu jenis puisi Melayu tradisional. Ia memerlukan banyak bakat dan pengetahuan untuk mencipta jenis puisi ini. Walaupun Pak Nazel sudah tua, beliau mampu mencipta 15 sajak dengan jumlah 310 baris, menjadikan jumlah sajaknya sebanyak 13,177.

Pengkaji memilih teori Puitika Sastera Melayu kerana ianya istimewa dan dicipta oleh seseorang sasterawan negara yang mempunyai banyak pengalaman. Teori ini membantu kita memahami dan menghargai keindahan dalam pelbagai jenis puisi. Ia mengajar kita cara menulis dan bercerita dengan indah, cara meluahkan emosi sedih atau sukar dengan cara yang indah, dan cara menjadi asli. Ciri-ciri ini telah ditubuhkan oleh Muhammad Haji Salleh dan ia meliputi segala-galanya tentang puisi, pengarang, khalayak, dan negara asal mereka. Secara ringkasnya, teori ini menerangkan kualiti dan keindahan istimewa yang boleh kita temui dalam bahagian puisi yang berbeza.

Kaedah analisis atau lebih difahami dengan cara dan peraturan untuk melakukan sesuatu dalam bersistem mengikut cara yang betul. Kaedah ini digunakan pada bahagian kaedah dokumentasi teks. Hal ini demikian kerana analisis terhadap teks ini digunakan untuk menunjukkan perkembangan terhadap pengolahan maklumat yang diperoleh bagi kepentingan kajian ini. Setiap teks yang dicari amat penting bagi tajuk tugas iaitu *Genius Masyarakat dalam Penciptaan Teka-teki menggunakan Teori Puitika: Kajian Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-teki*. Tambahan pula, pengkaji turut mencari rujukan teks berkaitan dengan kajian melalui beberapa kaedah seperti internet dan juga kepustakaan, buku, jurnal dan sebagainya. Oleh itu, penyelidikan yang teliti perlu dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dengan lebih bersistematik demi memudahkan pelaksanaan kajian.

3.4.3 Kerangka Teori



3.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab tiga memperincikan dengan jelas mengenai aspek metodologi yang ingin dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana aspek-aspek yang dipertunjukkan dalam bab ini mengenai reka bentuk kajian yang dijalankan, cara pengumpulan maklumat dan penggunaan teori yang digunakan semasa menjalan kajian. Seterusnya, kaedah metodologi ini merupakan pengumpulan data yang sistematik berdasarkan kajian iaitu Genius Masyarakat dalam Penciptaan Teka-teki menggunakan Teori Puitika: Kajian Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-teki menerusi pandangan Muhammad Haji Salleh iaitu Puitika Sastera Melayu. Oleh itu, metodologi kajian ini memberikan impak positif terhadap penghasilannya yang padat serta maklumat-maklumat yang diperlukan diselitkan adalah tepat.

BAB 4

Analisis Dan Dapatan Kajian

4.1 Pendahuluan

Bab ini membahaskan mengenai analisis serta dapatan kajian secara menyeluruh yang ditetapkan oleh pengkaji. Bab ini menginterpretasikan objektif yang dikaji oleh pengkaji iaitu objektif pertama ialah mengenal pasti konsep genius dalam Teori Puitika Sastera Melayu menggunakan konsep yang terdapat dalam teori adalah kemerduan bahasa, struktur persembahan, alun cerita, cita rasa yang patut. Objektif kedua pula, menghuraikan aspek kebijaksanaan dalam masyarakat Melayu dalam mencipta pantun teka-teki melalui konsep Perkataan yang Indah-indah:

- i. Dunia Luas yang Dipadatkan
- ii. Mainan, Kiasan dan Saranan
- iii. Dunia Berjodoh
- iv. Sama Ukuran
- v. Muzik seiring Kata
- vi. Sesuai dan Patut

Walau bagaimanapun, analisis ini menerapkan kaedah penganalisan data berdasarkan kaedah analisis tekstual, kaedah analisis teoritikal serta analisis

struktural berdasarkan struktur pantun teka-teki yang dipilih oleh pengkaji. Ekoran daripada itu, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kaedah perpustakaan dan kaedah laman sesawang bagi mengkaji dengan lebih teliti mengenai kebijaksanaan dalam Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki berdasarkan teori Muhammad Haji Salleh, Puitika Sastera Melayu dan besertakan contoh-contoh yang bersesuaian bagi menguatkan lagi huraian terhadap kajian yang dikaji oleh pengkaji.

4.2 Konsep Genius dalam Teori Puitika Sastera Melayu

Penghasilan sebuah pantun memerlukan kegeniusan seseorang pengkarya dalam menghasilnya. Walau bagaimanapun, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) menyatakan kebijaksanaan adalah tentang bijaksana individu yang menggunakan akal budinya. Hal ini dikatakan demikian kerana kebijaksanaan seseorang diukur berdasarkan apa yang dilaksanakannya, contohnya menjalankan sesuatu tugas dengan perasaan yang tanggungjawab dan keberanian individu tersebut. Kebijaksanaan adalah kunci terhadap kepandaian yang menggunakan akal fikiran seseorang terhadap kecekapannya berfikir sebelum bertindak (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Sehubungan dengan itu, kebijaksanaan ialah pengetahuan dan keupayaan individu untuk bertindak dan hidup dengan baik serta memahami kepentingan kejayaan keseluruhan sikap dan mengetahui cara yang terbaik untuk mencapai kesejahteraan (Cheng Hung Tsai, 2022). Oleh itu, berpandukan teori Puitika Sastera Melayu ini, pengkaji telah mengkaji konsep genius berdasarkan beberapa aspek iaitu kemerduan bahasa, struktur persembahan dan cita rasa yang patut.

| Konsep Genius | Tema Pantun Teka-Teki |
|----------------------|--|
| Kemerduan Bahasa | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tumbuh-tumbuhan 2. Tumbuh-tumbuhan 3. Tumbuh-Tumbuhan |
| Struktur Persembahan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tumbuh-tumbuhan 2. Tumbuh-tumbuhan 3. Anggota Badan |

| | |
|----------------------|--|
| Alun Cerita | <ol style="list-style-type: none"> 1. Binatang 2. Anggota Badan 3. Anggota Badan |
| Cita Rasa yang Patut | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tumbuh-tumbuhan 2. Tumbuh-tumbuhan 3. Anggota Badan |

(Jadual 4.1: Senarai Konsep Genius mengikut Tema Pantun Teka-Teki)

(Sumber: Nurzahila binti Abu Bakar)

4.2.1 Kemerduan Bahasa

Konsep kegeniusan terhadap Teori Puitika Sastera Melayu yang pertama ialah kemerduan bahasa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) kemerduan merupakan perihal terhadap merdunya suara seseorang sehinggakan sesiapa yang mendengar kelunakkan kemerduan dibuai-buai kehanyutan ombak pantai yang mampu membuat seseorang itu leka. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa-bahasa yang halus dan indah mampu menghasilkan pantun yang sangat indah apabila dibacanya. Lenggok bahasa yang digunakan mempunyai rentak yang tersendiri sehinggakan pendengar asyik mendengarnya. Tambahan pula, kesantunan dalam berbahasa merupakan salah satu perspektif bagi mencerminkan tatacara seseorang ketika berkomunikasi sesama manusia (St Mislikhah, 2020). Ini diperkatakan demikian kerana tatacara bahasa yang digunakan harus bersesuaian dengan unsur-unsur budaya yang ada dalam masyarakat dan

ianya dipergunakannya suatu bahasa dalam berkomunikasi agar berjalan lancar.

Umum mengetahui bahawa Nazel Hashim Mohamad adalah seseorang yang tidak asing dalam dunia sastera kerana karya yang dihasilkan olehnya sarat dengan isi ilmu pengetahuan. Antara buku yang dihasilkan oleh beliau adalah Pantun Pak Nazel: Indahny Pantun Melayu, Cerpen: Surat dari Ibu Kota, Gapena Merentas Dunia Melayu, dan Tuk Naga, Himpunan Cerita Mas Permata. Jika diteliti dengan lebih mendalam, karya-karya yang dihasilkan oleh Nazel Hashim Mohamad bukanlah pantun semata-mata malahan cerpen dan karyanya. Oleh itu, pengkaji telah memilih satu karya yang dihasilkan oleh beliau iaitu Pantun Pak Nazel: Berirama dengan Teka-Teki (2022). Kemerduan bahasa dapat diperlihatkan dalam buku Pantun Pak Nazel: Berirama dengan Teka-Teki, contoh 1,

Serumpun pokok kekwa,
Tumbuh tepi rawa;
Berjalan setapak tertawa,
Berjalan setapak tertawa?

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:2)

Justifikasinya, perkataan-perkataan yang digunakan menghasilkan kemerduan bahasa dalam menghasilkan pantun. ‘Berjalan setapak tertawa’ menjelaskan bahawa melambangkan sesuatu perkara mengenai menjajat tumbuh merata-rata. Hal ini dikatakan demikian kerana irama yang diulang dua kali ini dapat memberikan kemerduan dengan rimanya. Seseorang akan

menyusun kata-kata lisannya dalam akal fikirannya atau sedang tunduk menurungkannya melalui mata pena pada kertas (Muhammad Haji Salleh, 2021). Setiap bait-bait yang ditampilkan mampu menyentuh perasaan, membangkit emosi seseorang serta merangsang imaginasi seseorang. Kemerduan setiap bait dapat dilihat berdasarkan contoh yang dipilih kerana pemilihan kata-kata yang cemat mampu mencipta daya gambaran seseorang.

Contoh 2 ialah

Bersiar dengan rakan,
Rakan asyik bersiul;
Bersisik bukannya ikan,
Berjambul bukannya siul.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:2)

Jika diteliti dengan lebih mendalam ianya meletakkan rima yang diakhiri -an dan -ul sehinggakan apabila dibacanya seakan beirama mengikut rentak merdu. Keasyikkan yang ditampilkan oleh penulis memberikan daya tarikan terhadap pantun teka-teki yang dihasilkan supaya pembaca merasakan kelainan yang ingin ditampilkannya. Kemerduan bahasa diselitkan dalam pantun dah diulang-ulang sehinggakan seakan ianya berentak apabila dibaca. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang merdu sering kali mempunyai elemen puitis dalam liriknya begitu juga dengan contoh yang dipaparkan ini. Penggunaan gaya bahasa yang kreatif dapat menambahkan keindahan sesuatu teks atau baris ayat itu. Seterusnya, bahasa yang merdu juga mengira beberapa aspek penting dalam penghasilannya dalam konteks penggunaan kata. Ianya dikatakan demikian

kerana kata-kata dan ungkapan dipilih dengan tepat serta sesuai dengan situasi ketika pantun teka-teki ini dihasilkan.

Contoh 3 ialah

Burung kedidi di tepi Rawang,
Berjalan ke sawah ia dilarang;
Tingginya di awang-awangan,
Jatuh ke bawah mengambil sarang.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:3)

Berdasarkan contoh di atas, pemilihan kata amatlah penting kerana kemerduan bahasa diukur berdasarkan pemilihan kata yang dipilih. Penggunaan ‘Rawang, dilarang, awang-awangan, sarang’ seakan mempunyai irama dan rima yang tersendiri apabila seseorang pemantun mendeklamasikannya. Imajinasi seorang pengkarya tidaklah terhad akan tetapi seninya yang indah diluahkan dalam karya sehinggakan memberikan gambaran yang imaginatif dan kreatif. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang merdu memiliki deskriptif yang amat tinggi kerana melalui kata-kata seorang penutur mampu menggambarkan dengan terperinci setiap penggunaan kata. Seterusnya, penggunaan bahasa yang merdu amat sesuai dalam konteks penggunaannya disebabkan melalui kata-kata dapat mengekspresikan emosi seseorang.

4.2.2 Struktur Persembahan

Konsep kegeniusan terhadap Teori Puitika Sastera Melayu yang kedua ialah struktur persembahan. Struktur persembahan adalah susunan dan aturcara sesebuah persembahan sebelum dipersembahkan kepada khalayak umum. Hal ini dikatakan demikian kerana penyusunan tersebut tidak hanya merujuk terhadap satu risalah sahaja malahan ianya mengenai kepengarangan atau nilai-nilai karya yang dianggap baik serta indah. Seseorang pengarang haruslah mempunyai strategi yang tersendiri apabila menghasilkan sesebuah karya kerana apabila ditafsir atau dibaca dapat dikenali hanya dengan tulisannya sahaja. Persembahan merupakan sesuatu perkara yang dihidangkan atau dipertontonkan seperti pementasan, permainan, filem dan sebagainya serta lakonan yang diselang-selikan lagu-lagu yang merdu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Begitu juga pada karya Pantun Pak Nazel ini, contoh 4,

Tuntun sapi banyak kerenah;
Bara api di dalam tanah.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:1)

Berdasarkan contoh yang diberikan, dapat diperlihatkan struktur persembahan yang ingin dipersembahkan oleh pengkarya. Pengkarya menggunakan unsur alam kemudian meminta para peneka untuk meneka. Sesuatu perkara yang mempunyai ragam akan tetapi berada dalam tanah. Hal ini dikatakan demikian kerana walau hanya dua rangkap malahan isi yang ingin disampaikan adalah padat untuk difahami oleh pembaca. Di

samping itu, apa yang dapat dilihat adalah hakikat sastera ini kerana keadilan terhadap sesebuah karya yang dibaca, didengar supaya kita lebih memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Ianya juga dapat dilihat melalui penyusunan kata-kata yang digunakan untuk merangkul perasaan sehingga merasakan ia terhubung dengan apa yang ingin disampaikan. Penyampian yang baik adalah saling berhubung kait antara satu sama lain sehinggakan kemampuan penyampaian secara efektif dapat disampaikan kepada khalayak pembaca. Bagi merangka sesebuah pantun teka-teki perlulah mempunyai imaginasi yang baik agar struktur dan susunannya lebih menarik agar penyampaiannya dapat disampaikan.

Contoh 5 ialah

Burung kedidi di tepi rawang,
Berjalan ke sawah ia dilarang;
Tingginya di awang-awang,
Jatuh ke bawah mengambil sarang.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:3)

Penulis menggunakan kegeniusan beliau untuk menampilkan pantun teka-teki sehinggakan pembaca berhenti sejenak memikirkan jawapan bagi pantun tersebut. Ini berlaku kerana pantun teka-teki mempunyai cerita yang singkat atau pertanyaan yang mampu merangsang pemikiran para pembaca mahupun yang mendengar untuk menyelesaikan penyelesaiannya. Setiap rangka yang dibina akan mengikut struktur-struktur yang ditetapkan oleh penulis untuk dipersembahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana akhiran -ang itu telah menyamakan setiap baris sehinggakan ianya dipersembahkan

serta ungkapan teka-teki ini dihasilkan dengan cara yang menarik sehinggakan para pembaca atau pendengar terdorong untuk berfikir dan mencari jawapannya. Setiap kesesuaian bunyi dan rima diselaraskan sebaik mungkin agar ianya memiliki pola bunyi yang sesuai dan rimanya yang sedap didengari. Penggunaan gaya bahasa yang kreatif ketika penyampaian teka-teki ini mampu menghasilkan pantun teka-teki lebih menarik mengikut konteks yang ditetapkan oleh penulis.

Contoh seterusnya,

Orang diserang demam campak,
Masuk berita semua nampak;
Pagar orang kita tampak,
Pagar kita tiada tampak.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:5)

Berdasarkan contoh yang diberikan, pantun teka-teki yang dibina ini mempunyai empat baris. Struktur pembinaanya pula dalam keadaan yang baik kerana ia melibatkan penggunaan kata-kata dan rima dengan cara yang indah dan juga kreatif. Hal ini dikatakan demikian kerana pada baris yang pertama, memberikan pernyataan yang singkat untuk menarik perhatian pembaca atau pendengar iaitu 'Orang diserang demam campak' yang menjadikan baris pembuka yang baik. Seterusnya, pada baris ketiga dan keempat pula, 'Pagar orang kita tampak' dan 'Pagar kita tiada tampak' yang membawa pembaca atau pendengar ke arah yang sedikit berbeza dengan memberikan idea untuk mencari jawapan berdasarkan baris pertama dan kedua. Jika diperhatikan penggunaan ayat yang sama bagi baris ketiga dan

keempat ini hanya perkataan ‘pagar’ dan ‘tampak’ yang memberikan pengakhiran yang kreatif atau menguatkan kesan dari seluruh pantun teka-teki untuk mencari jawapannya. Setiap struktur perlulah seimbang bagi mencipta keindahan bunyi dan juga makna dalam sesebuah pantun.

4.2.3 Alun Cerita

Konsep kegeniusan terhadap Teori Puitika Sastera Melayu yang ketiga ialah alun cerita. Menurut Siti Nur Syakira (2023) penceritaan sebuah cerita naratif adalah berdasarkan sesuatu yang terjadi atau sebaliknya. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya merupakan penceritaan sebuah karya yang ingin disampaikan kepada khalayak pembaca atau pendengar. Seterusnya, sesebuah cerita memiliki struktur yang baik dengan klimaksnya sehinggakan pembaca tidak dapat menduga apa yang ingin berlaku. Begitu juga dengan pantun mempunyai jalan cerita yang baik supaya apa yang ingin disampaikan tercapai. Setiap bait-bait pantun mengandungi unsur-unsur keindahan, kreativitinya serta keselarasan bunyi. Konsep alun cerita yang terdapat Pantun Pak Nazel, contoh 7,

Berhenti kerja loceng berdering;
Anak raja pula beriring.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:14)

Berdasarkan contoh yang diberikan, dapat diperlihatkan alun cerita merupakan rangkaian bagi sesuatu peristiwa atau urutan kejadian yang ditetapkan oleh penulis bagi membentuk alun cerita yang baik. Berdering

dan beriring yang mempunyai akhirnya -ring memberikan alunan baik bagi setiap baris seakan pembukaan cerita dan diakhiri juga dengan perkataan yang seolah-olah sama. Walaupun terlihat ringkas contoh yang dipilih, ianya mempunyai pengembangan bagi membantu penyelesaiannya diselesaikan. Setiap alun cerita yang ditampilkan menjadikan dasar kepada pembaca untuk memahami keseluruhan teks yang ingin diceritakan.

Contoh seterusnya ialah

Orang diserang demam campak,
Masuk berita semua nampak;
Pagar orang kita tampak,
Pagar kita tiada tampak.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:5)

Berdasarkan pantun teka-teki di atas, alun cerita yang baik mempunyai elemen yang menarik untuk dibaca. Seperti contoh di atas, perkataan akhir yang digunakan adalah ‘campak’ ‘nampak’ ‘tampak’ dan ‘tampak’ yang mempunyai alun cerita yang baik bagi memikat pembaca mahupun pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana alun cerita yang ditampilkan oleh penulis untuk pembaca atau pendengar meneka disebalik jawapan pantun teka-teki ini sangat memberansangkan kerana diserang demam campak kemudian pagar kita tiada tampak. Perkara sebegini akan menguji pemikiran pembaca untuk meneka jawapan yang tidak dijangka iaitu gigi sama sekali. Tambahan pula, apa perkaitan antara gigi dan juga pantun di atas. Pengkarya menggunakan ideanya yang kreatif bagi menghasilkan pantun teka-teki yang mempunyai alun cerita untuk mendidik

pembaca atau pendengar berfikir untuk mencari jawapan. Oleh itu, alun cerita yang dibina oleh pengkarya mengikut kreativi dan imaginasi bagi pembaca menghayati setiap baris pantun teka-teki yang dihasilkan.

Contoh 9,

Beli buah duku,
Sama pucuk salam;
Ditutup sebesar kuku,
Dibuka sebesar alam.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:5)

Berdasarkan contoh yang dipaparkan di atas, setiap alunan yang dipilih akan dipersembahkan dalam penulisannya. Apabila permulaannya bermula dengan baik maka menanti yang lain juga, begitu juga dengan pantun. Memulakan bait-bait dengan pemilihan kata yang tepat mampu memberikan alun cerita yang baik dan kreatif bagi penulis. Pengakhiran yang digunakan seakan-akan mempunyai irama yang sendiri iaitu a b a b yang menyeragamkan lagi pantun di atas. Walaupun alunanya menarik akan tetapi pembaca perlu meneka jawapan disebalik pantun yang diberikan kerana lega akan keasyikan menghayati bait-bait pantun yang ditulis. Alunan pantun yang baik mampu mencipta irama yang tersedniri dalam setiap baris penyampaiannya, keindahan bahasanya dan mampu menghadirkan kesan yang mendalam kepada pendengar atau pembaca yang membaca.

4.2.4 Cita Rasa yang Patut

Konsep kegeniusan terhadap Teori Puitika Sastera Melayu yang keempat ialah cita rasa yang patut. Cita rasa merupakan kegemaran atau pilihan seseorang dengan mempunyai keinginan terhadap sesuatu itu sangat tinggi (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Ianya kerana bagaimana seseorang pengkarya mengumpulkan segala sifat karya itu, bahasa yang baik dan cara penyampaiannya yang dianggap indah dan diminati oleh khalayak. Seseorang pengkarya menitikberatkan aspek-aspek penting agar karyanya diminati oleh pembaca. Konsep cita rasa yang patut ini dapat dilihat dalam karya Pantun Pak Nazel ini, contoh 10,

Bersiar dengan rakan,
Rakan asyik bersiul;
Bersisik bukannya ikan,
Berjambul bukannya siul.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:2)

Jika diteliti dengan lebih mendalam ianya cara bagaimana menerapkan serta menyampaikannya untuk dijadikan sebahagian daripada pemikiran kesenian manusia Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkarya menghasilkan sesebuah pantun teka-teki yang dekat dengan keindahan alam atau juga perkara-perkara yang mendekatkan para pembaca untuk membaca. Contohnya ‘bersiar dengan rakan’, pembaca mengaitkan dengan kehidupannya bersiar bersama rakan sambil bersiul dengan perasaan yang gembira. Sesuatu perkara yang dihasilkan adalah perkara yang sangat tulen atau dipanggil sebagai karya asli yang hasilnya daripadanya sendiri.

Tambahan pula, perasaan juga terlibat ketika membaca dan mendengar sesebuah karya. Ianya seakan-akan melibatkan perasaan seseorang apabila membacanya serta mendengar yang memberikan kepuasan yang tak terhingga.

Contoh seterusnya,

Tuntun sapi banyak kerenah;
Bara api di dalam tanah.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:1)

Seperti yang dipertampikan di atas, setiap pembaca mempunyai cita rasa yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi menarik minat pembaca, penulis tidak hanya menyajikan empat rangkap pantun teka-teki malahan ada juga dua rangkap teka-teki. Penulis juga masih mengikut terma-terma penting masih mengekalkan kesamaan dari segi jumlah suku kata, jumlah kata dan sebagainya. Tambahan pula, sebilangan pembaca lebih gemar membaca dengan bilangan perkataan yang pendek dan ringkas malahan terdapat juga yang gemar membacanya dengan lebih panjang. Pembaca atau pendengar melihat dua baris pantun teka-teki ini mudah untuk mendapatkan jawapan akan tetapi kebijaksanaan pengarang mengarang memerlukan daya berfikir yang tinggi sehinggakan tidak dijangka bahawa jawapannya adalah kunyit. 'Bara api di dalam tanah' yang membuatkan pembaca atau pendengar berfikir perkara apa yang berada dalam tanah yang tidak memerihalkan pelbagai situasi sehinggakan diselitkan dalam pantun teka-teki di atas.

Contoh 12,

Fikirannya kusut makannya gelojoh;
Satu busut berlubang tujuh.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:4)

Berdasarkan contoh di atas, ‘Satu busut berlubang tujuh’ ini memberi makna bahawa apa yang difahami oleh pembaca adalah busut yang sering dijumpai mempunyai satu lubang, mengapa pula dalam pantun ini penulis menghasilkannya berlubang tujuh. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan-perkataan yang dipilih adalah untuk memberi gambaran kepada pembaca untuk meneka bukan hanya menampilkan unsur alam semata-mata, akan tetapi memberikan petunjuk yang padat dan ringkas kepada pembaca untuk meneka. Penulis juga perlu menjaga kualiti estetika pantun teka-teki yang dihasilkan agar terdapat keindahan dalam penyampaian pantun juga. Tambahan pula, walaupun dua baris sahaja pantun teka-teki yang dihasilkan malahan ianya memiliki citarasa yang mengikut kehendak penulis yang mengikut rima-rima yang dipilih serta kecerdasan dalam memilih perkataan yang sesuai dalam penyampaiannya. Penulis mencipta pantun teka-teki ini mengikut cita rasa yang tersendiri tapi masih mengekalkan keindahan bagi mencerminkan kepekaannya terhadap penggunaan bahasa, estetika, dan kebijaksanaan dalam menyampaikan sesuatu perkara.

4.3 Aspek Kebijaksanaan dalam Masyarakat Melayu dalam Mencipta Pantun Teka-Teki melalui Teori Puitika Sastra Melayu

Sesebuah karya Melayu yang baik didahului dengan kata-kata indah serta penggunaan konotasinya luar dari jangkauan seseorang dan ianya terpalang cerita-cerita manusia. Oleh itu, kebijaksanaan diukur melalui pengalaman seseorang yang bukan sahaja dari kecantikkannya tetapi bagaimana seseorang itu menggunakan akal untuk berfikir yang mampu membawa faedah kepada khalayak mengenai sastra menggunakan teks Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki. Aspek-aspek kebijaksanaan bagi mengkaji estetika pantun:

| Aspek Kebijaksanaan | Tema Pantun Teka-Teki |
|----------------------------|--|
| Dunia Luas yang Dipadatkan | 1. Anggota Badan 2. Binatang |
| Mainan, Kiasan dan Saranan | 1. Anggota Badan 2. Binatang |
| Dunia Berjodoh | 1. Binatang 2. Tumbuh-tumbuhan |
| Sama Ukuran | 1. Anggota Badan 2. Tumbuh-tumbuhan |
| Muzik Seiring Kata | 1. Binatang 2. Tumbuh-tumbuhan |
| Sesuai dan Patut | 1. Binatang 2. Tumbuh-tumbuhan |

(Jadual 4.2: Senarai Aspek Kebijaksanaan berdasarkan Tema Pantun Teka-Teki)

(Sumber: Nurzahila binti Abu Bakar)

4.3.1 Dunia Luas yang Dipadatkan

Aspek pertama yang ingin dibincangkan dalam teori Puitiksa Sastera Melayu iaitu dunia luas yang dipadatkan kerana ianya merupakan satu kaedah yang mengukur makna yang dipadatkan dalam sebuah cakerawala kecil yang mempunyai kata-kata. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana dalam sebuah pantun, makna dipilih daripada beberapa sumber dan ianya dalam bentuk yang kecil agar menepati ciri-ciri yang ditetapkan. Apa yang ingin disampaikan dalam sesebuah karya, pemikiran mahupun idea penulis melibatkan kepada pengalaman dunia yang besar dan akhirnya dikaitkan dengan citra dan perkataan pula. Sesebuah karya terutamanya pantun perlu mempunyai makna bagi setiap kata yang dipilih agar iannya mampu memfokuskan kepada tema yang ditetapkan oleh penulis serta sumbernya ditawarkan kepada khalayak. Setiap pemilihan kata yang dipilih, dipaparkan melalui perkataan yang digunakan dalam penghasilan penciptaan sebuah pantun dengan matlamatnya menyampaikan makna pantun yang bersesuaian. Seterusnya, pengalaman seseorang yang dipadatkan melalui katanya atau citra menjadi pengakhiran kepada hasilnya setelah berhempas pulas mencipta pantun yang disediakan oleh pengarang sendiri. Setiap kata-kata yang dipilih telah disaring beberapa kali agar mendapat kata yang tepat bagi setiap baris yang ingin disampaikan kepada khalayak dan pada akhirnya yang terbaik dimasukkan dalam setiap baris pantun.

Contoh 1

Fikirannya kusut makannya gelojoh;
Satu busut berlubang tujuh.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:4)

Berdasarkan pantun teka-teki di atas, dunia luas yang dipadatkan wujud dalam pantun teka-teki tersebut. Jika diteliti dengan lebih mendalam, pemilihan kata yang digunakan dalam pantun teka-teki ini sangat bersesuaian dan baik bagi menjelas makna tersirat di sebalik pantun teka-teki di atas. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang menghubungkan kata fikirannya kusut dengan maknanya gelojoh serta satu busut berlubang tujuh. Maksud pantun teka-teki di atas merujuk kepada kepala yang mempunyai akal fikiran untuk berfikir dan perlu menggunakannya tanpa perlu memaksa diri sendiri. Dunia luas yang dipadatkan ini perlu melalui pemilihan kata serta ianya perlu disaring sebelum digunakan semasa penyusunan kata semasa menghasilkan pantun teka-teki tersebut. Seterusnya, penyusunannya turut memberikan gambaran kepada pembaca bahawa proses yang dilakukan semasa memilih kata antara bait-bait pantun.

MALAYSIA

KELANTAN

Contoh 2

Makan limau dikupas,
Selepas menikmati mi;
Kepala sentiasa berkipas,
Hidung mencecah bumi.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:18)

Contoh 2 di atas menunjukkan memberikan pengetahuan serta pengajaran kepada pembaca atau pendengar berkaitan pantun teka-teki bertemakan haiwan. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya disampaikan melalui dunia luas yang dipadatkan. Teori Puitika Sastera Melayu mempunyai nilai estetika yang wujudnya dunia luas yang dipadatkan bagi pantun teka-teki yang dihasilkan oleh pengarang. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai-nilai yang menggabungkan peraturan dan makna yang dipadatkan dalam cakerawala kecil. Gaya penulisan pengarang memadatkan ia kepada dunia melalui citra-citra kecil mengikut genre yang ditetapkan oleh penulis. Bagi bahagian ini mempunyai nilai estetika, contohnya, kepala sentiasa berkipas menunjukkan susunan citra yang ditampilkan oleh pengarang bagi menunjukkan kebijaksanaannya. Penggunaan kata ini dapat dilihat kerana tiada pembaziran kata dan ianya disusun mengikut kehendak pengarang.

4.3.2 Mainan, Kiasan dan Saranan

Aspek kedua yang ingin dibincangkan dalam teori Puitika Sastera Melayu iaitu mainan, kiasan dan saranan. Pantun mempunyai tersirat dan tersurat yang memberikan makna tanpa terlintas dek akal fikiran seseorang itu. Setiap bait-bait pantun menggunakan bahasa yang halus dalam setiap penyampaiannya. Hal ini dikatakan demikian kerana pemaknaan yang canggih yang lebih menyentuh, mengejek atau menggoda itu lebih berseni dan ciri-ciri ini menepati nilai-nilai pantun yang baik. Mainan, kiasan dan saranan adalah salah satu penyampaian maksud pantun sama ada pengajaran atau pembelajaran terutamanya kepada kanak-kanak. Kadangkala penyampaiannya secara tidak terus tetapi melalui perkataan-perkataan yang mempunyai keindahan disampaikan dalam pantun. Ianya kerana makna-makna secara halus dan adanya yang tidak dapat dirasakan secara terus. Walau bagaimanapun, pantun yang mempunyai kualiti baik mempunyai citra pantun yang mampu disampaikan dalam variasi bentuk seperti sindiran, pengajaran, mengejek dan sebagainya serta pantun dibahagikan kepada dua jenis iaitu pantun empat kerat dan pantun dua kerat. Mainan, kiasan dan saranan ini adalah jalan terbaik untuk menegur dalam sesuatu hal dengan menjaga air muka seseorang apabila ditegur. Justeru itu, teknik mainan, kiasan dan saranan ini digunakan oleh pengarang kerana ianya mempunyai sentimentalnya yang tersendiri dalam penyampaian sesuatu perkara secara halus.

Contoh 3

Fikirannya kusut makannya gelojoh;
Satu busut berlubang tujuh.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:4)

Berdasarkan contoh 3, pengkaji memilih pantun teka-teki ini untuk digunakan dalam mainan, kiasan dan saranan. Penggunaan nilai ini bertujuan untuk menegur atau nasihat dengan menggunakan cara yang halus, contohnya pada baris pertama ‘fikirannya kusut makannya gelojoh’ bagi menyampaikan teguran secara halus kepada pembaca. Hal ini diktakan demikian kerana ketika fikiran seseorang itu, tidak perlu tergesa-gesa untuk makan sambil memaksa diri untuk menghabiskannya dalam masa yang sihat. Adab ketika makan perlu dijaga bagi tidak memudaratkan diri pada hari yang mendatang. Tambahan pula, dapat dilihat pengarang menggunakan pemilihan kata yang halus untuk menegur tetapi ia seakan tidak direndah-rendahkan oleh seseorang. Oleh itu, pengarang mengarang tidak berkasar dengan menggunakan bahasanya sebelum menyampaikan maksud sebenar pantun ini.

MALAYSIA

KELANTAN

Contoh 4

Makan limau dikupas,
Selepas menikmati mi;
Kepala sentiasa berkipas,
Hidung mencecah bumi.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:18)

Berdasarkan contoh 4 di atas, pengkaji memilih mainan, kiasan dan saranan dalam Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki. Penggunaan kiasan yang halus yang bertujuan untuk pembaca atau pendengar meneka iaitu hidung mencecah bumi yang membawa maksud binatang apakah yang hidungnya terkena lantai bumi. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui baris pertama dan kedua sudah diberikan pembayang bahkan baris ketiga dan keempat pula menjelas ciri-ciri haiwan yang perlu diteka oleh pembaca atau pendengar. Ini telah menunjukkan bahawa pengarang mencari petunjuk yang amat dekat untuk dijadikan kiasan kepada pembaca untuk meneka. Seterusnya penggunaan bahasa yang tidak terlalu tinggi dan mudah difahami oleh pembaca atau pendengar untuk meneka menggunakan imaginasi sendiri. Pengarang menginginkan pembaca atau pendengar berusaha untuk mencari jawapan berdasarkan soalan yang diberikan. Petunjuk lain yang diberikan pada baris ketiga iaitu kepala sentiasa berkipas yang membawa mungkin maknanya telinga haiwan tersebut besar seakan kipas. Justeru itu, setiap penggunaan kata yang dipilih untuk menghasilkan pantun ini dipilih dengan cermat agar pembaca atau pendengar mampu mendengar dengan baik serta mudah difahami bagi mencari jawapan yang tepat.

4.3.3 Dunia Berjodoh

Aspek ketiga yang ingin dibincangkan dalam teori Puitika Sastera Melayu iaitu dunia berjodoh. Menurut Muhammad Haji Salleh (2021), menyatakan bahawa dunia berjodoh sebagai penghuni alam yang setia mempunyai perkaitan antara manusia dan persekitaraan kerana pemerhatiannya yang tekun, sabar dan teliti. Pengarang menerapkan nilai-nilai keindahan kepada sesebuah karya seperti pantun teka-teki yang membuktikan kebijaksanaan seseorang pengarang dalam menghasilkannya. Unsur-unsur yang diperhatikan akan dikumpul dan dijadikan sebagai nilai dalam kehidupan sosial serta mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Tambahan pula, nilai ketiga ini melibatkan sesuatu perkara dengan pelajaran daripada persekitaran alamiah manusia itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana dunia berjodoh ini mempunyai dua bahagian iaitu dunia luaran dan dunia dalaman. Dunia luaran adalah dunia yang berkait dengan dunia persekitaran iaitu alam sekitar, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan sebagainya manakala dunia dalam pula adalah dunia yang melibatkan minda iaitu pemikiran serta idea-idea yang dihasilkan daripada buah fikiran dari pengarang sendiri. Jika diteliti dengan lebih mendalam perkaitan ini yang disebut sebagai dunia berjodoh malahan penggunaan yang bersangkutan paut dengan dunia berjodoh ini merupakan pengalaman yang dialami oleh pengarang sendiri lalu dizahirkan dalam karyanya. Oleh itu, pengarang secara tidak langsung telah melengkapinya sisi-sisi yang perlu dengan membentuknya menjadi nilai yang berestetika.

Contoh 5

Kakak tua si burung helang;
Orang tua pakai baju belang.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:14)

Contoh 5 di atas menunjukkan pantun empat kerat mengenai udang galah. Hal ini dikatakan demikian kerana mempunyai unsur alam serta pemikiran pengarang dalam menyampaikan sesuatu pengajaran dan nasihat. Berlainan bagi pantun teka-teki ini kerana unsur alam yang digunakan pada baris pertama ialah ‘Kakak tua si burung helang’ yang menunjukkan unsur alam dijadikan sebagai pembayang untuk pembaca atau pendengar meneka. Burung kakak tua yang disukai orang ramai ini juga dijadikan haiwan peliharaan kesukaan kerana burung kakak tua ini mampu hidup lebih lama berbanding burung peliharaan yang lain serta ianya senang untuk diuruskan. Bagi baris kedua pula, ‘Orang tua pakai baju belang’ menandakan orang tua yang memakai baju belang akan tetapi merujuk kepada haiwan iaitu harimau. Pemilihan kata yang dipilih oleh pengarang sangat tepat sehinggakan keseimbangan pantun dapat ditonjolkan melalui penggunaan kata yang menarik dan mempunyai nilai keindahannya. Ini jelas menampilkan satu keindahan yang ingin disampaikan dilihat melalui dunia berjodoh berdasarkan nilai keindahan dalam Teori Puitika Sastera Melayu.

Contoh 6

Sang Kancil tertinjau-tinjau,
Pandangan tersasar penuh amarah;
Dari kecil baju hijau,
Sudah besar baju merah.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:1)

Berdasarkan contoh di atas, wujudnya keindahan dunia berjodoh antara baris dalam pantun teka-teki empat kerat ini. Hal ini dikatakan demikian kerana baris yang pertama, pengarang mengaitkan dengan sumber alam semulajadi iaitu Sang Kancil yang rata-ratanya watak ini sangat dikenali oleh khalayak kerana kisah-kisah Sang Kancil ini digunakan bagi menyampaikan pengajaran dan nilai-nilai baik untuk digunakan dalam kehidupan masyarakat. Tambahan pula, setiap permasalahan yang dihadapi diselesaikan oleh Sang Kancil menggunakan kecerdikannya. Pengarang memilih Sang Kancil bagi menggambarkan bahawa ideanya dan Sang Kancil sangat serasi apabila dipertemukan dalam pantun teka-teki. Pada baris yang ketiga dan keempat pula, dari kecil baju hijau, sudah besar baju merah telah memberikan gambaran yang pembaca atau pendengar perlu menggunakan imaginasi memikirkan apa jawapannya walhal jawapannya adalah cili. Di sini dunia berjodohan dapat dikaitkan dengan pantun teka-teki di atas kerana walaupun sifatnya jelas dan baik, secara tidak langsung pengarang menghasilkannya dari idea dan pemilihan kata dari kegeniusannya sendiri.

4.3.4 Sama Ukuran

Aspek keempat yang ingin dibincangkan dalam teori Puitika Sastera Melayu iaitu sama ukuran. Sama ukuran lebih menceritakan mengenai nilai harmoni serta imbangan yang menjadi landasan yang sangat penting bagi sesebuah pantun yang baik dan kemas. Nilai-nilai keindahan yang dipertampikan dalam pantun mempunyai makna dan bentuk yang tersendiri semasa penciptaannya dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk-bentuk yang terkandung dalam pantun memberikan keindahan yang maksima terhadap karya itu. Setiap pemilihan kata bagi pembayang dan maksud pantun mempunyai persamaan yang ketara seperti rima, bilangan perkataan, bunyi dan sebagainya. Tambahan pula, setiap baris pembayang akan mempunyai jumlah suku kata yang sama ukurannya seakan tiada yang berlebih lebihan. Menurut Muhammad Haji Salleh (2006) menyatakan keindahan dan nilai estetika yang baik dalam pantun dizahirkan melalui penciptaan bentuk pantun itu. Hal ini diperkatakan sebegitu kerana pemantun diberikan kebenaran untuk berfikir di luar kotak penyelesaian mereka dan sedikit 'surrealistik' tetapi masih dalam ruang lingkup yang diterima oleh pemantun tulen. Ukuran ini buhan hanya mengukur apa yang dilihat oleh mata kasar malahan ianya diukur supaya memenuhi suatu ruangan bunyi atau kertas secara rapi dan tepat. Kesudahannya, semua bentuk pantun mempunyai keharmonian yang tersendiri dalam penciptaan pantun kerana kesan terakhirnya adalah variasi bahagian kata serta nada

yang berlainan yang diberikan bersama pasangannya, imbangannya atau lawannya.

Contoh 7

Orang diserang demam campak,
Masuk berita semua nampak;
Pagar orang kita tampak,
Pagar kita tiada tampak.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:5)

Contoh seterusnya, pantun empat kerat dalam teks Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki yang menunjukkan nilai sama ukuran. Setiap penggunaan kata merujuk kepada kesempurnaan, harmoni dan imbalan dalam pantun teka-teki di atas. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai keindahan diukur melalui struktur binaan itu sama ukurannya pantun teka-teki. Pantun yang dianggap sempurna mempunyai jumlah suku kata yang tidak lebih daripada sepuluh suku kata dan ianya secara langsung telah menarik minat pembaca dalam membaca atau mendengar. Pada baris ketiga dan keempat menggunakan pemilihan kata yang seakan tetapi tidak bagi orang kita dan kita tiada bagi tidak mengulangi kata-kata itu. Seterusnya pemilihan kata bagi penggunaan kata di akhir baris sangat harmoni iaitu campak, nampak, tampak, tampak sebagai kesatuan irama akhir.

Contoh 8

Hang Tuah seorang panglima;
Apa buah bernama lima?

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:4)

Berdasarkan contoh 8 di atas, dapat dilihat keindahan sama ukuran dalam pantun teka-teki dalam koleksi Pantun Pak Nazel Berirama dengan TeKa-Teki. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah suku kata dalam pantun di atas adalah sama iaitu empat pada baris pertama dan baris kedua. Keindahan sama ukuran ini dari irama muzik iaitu rima akhir pantun seperti ‘panglima’ dan ‘lima’ yang akhirnya dibaca dengan satu irama yang berbunyi sahaja iaitu ma. Seterusnya pantun teka-teki ini menunjukkan keharmonian yang baik kerana aturan dan susunan bag pemilihan kata yang tepat dan ianya boleh digunakan dalam keindahan sama ukuran. Pantun teka-teka menampilkan keseimbangan yang bagus kerana penghasilannya mengikut aturan yang telah ditetapkan dalam penghasilan pantun. Walau bagaimanapun, keindahan sesebuah karya ini diukur mengikut idea pengarang yang menghasilkan pantun teka-teki dan terdapat simbol ‘?’ bagi baris kedua yang menandakan pertanyaan atau soalan kepada pembaca atau pendengar. Keindahan sama ukuran ini telah menampilkan kepelbagaian idea bagi seseorang pengarang melalui olahannya, pemilihan kata, penggunaan ayat dan sebagainya. Oleh itu, pantun teka-teki yang mantap sangatlah mudah difahami oleh pembaca kerana bahasa yang digunakan tidak terlalu tinggi.

4.3.5 Muzik seiring Kata

Aspek kelima yang ingin dibincangkan dalam teori Puitika Sastera Melayu iaitu muzik seiring kata. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) menyatakan muzik adalah seni bunyi yang melibatkan beberapa unsur seperti melodi, rima, dan irama yang indah didengar untuk menyenangkannya atau lebih bermakna. Muzik ini dapat dihasilkan dengan pelbagai cara termasuklah menggunakan suara vokal ataupun alat muzik yang menzahirkan emosi seseorang. Walau bagaimanapun, bagi teori Puitika Sastera Melayu ini muzik ini lebih memfokuskan kepada muzik bahasa yang digunakan ketika menghasilkan sebuah pantun. Setiap bait yang dialunkan merupakan muzik yang memberikan nilai keindahan mahupun nilai estetika yang tersendiri terhadap sesebuah karya. Muzik seiring kata merupakan satu irama yang indah kerana mempunyai alunan yang bersilih ganti dan berulang-ulang dalam setiap bait sesebuah karya. Mana Sikana (1996) juga memberikan pandangannya bahawa seni muzik ini perlu bergandingan seperti seni sastera kerana kedua-dua mempunyai kebudayaannya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana ia berperanan sebagai satu wadah bahasa untuk ucapan yang merdu dan indah didengari atau dibaca oleh pembaca. Puisi antara yang terdekat dengan rentak muzik dan sesuai disamakan kerana iramanya yang menaik dan menurun serta saling mempunyai rentak rima yang riang pada tengah dan hujung baris pantun ketika ia disampaikan. Kesudahannya, pantun lebih dekat dengan muzik

berbanding puisi yang lain kerana kata-kata yang dilontarkan menimbulkan keindahan yang tersendiri.

Contohnya

Bilal pergi pekan;
Halal bangkai dimakan.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:16)

Berdasarkan contoh di atas, menunjukkan persamaan rima bagi setiap baris. Rima silang selalunya ditunjukkan awal baris dan akhir baris dan keindahannya pantun bukan hanya berdasarkan penggunaan unsur alam semata-mata tetapi ia juga turut melibatkan penggunaan rima yang seimbang bagi membantu pantun tersebut. Umum mengetahui bahawa muzik seiring kata ini seakan-akan dunia berjodoh akan tetapi ianya lebih memfokuskan kepada penggunaan irama. Begitu juga dengan pantun teka-teki di atas yang rimanya sama untuk menimbulkan kesan keindahan apabila kehadiran bunyi-bunyian dan irama ini hadir dalam pantun tersebut. Rima yang digunakan di atas adalah perkataan 'bilal' dan 'pekan' bagi baris pertama kemudian pada bari kedua pula adalah 'halal' dan 'dimakan'. Jika diteliti dengan lebih mendalam, pantun ini menghasilkan kesamarataan serta keseimbangan dalam keindahan bunyi dan alunan pembacaan pantun yang menarik serta saling bersahutan secara bersilih ganti. Menurut Hashim (2019), penyusunan dan penciptaan keindahan makna dan bunyi akan berlaku apabila rima Tengah dan akhir adlah sama. Justeru itu, rima sendiri

yang memainkan peranan penting bagi setiap baris bagi menghasilkan nilai keindahan dalam sesebuah karya.

Contoh 10

Bersiar dengan rakan,
Rakan asyik bersiul;
Bersisik bukannya ikan,
Berjambul bukannya bersiul.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:2)

Contoh di atas menampilkan rima yang sama tetapi berselang yang diterapkan oleh pengarang. Jika diteliti dengan lebih terperinci penggunaan pada baris satu dan baris tiga menggunakan ‘rakan’ dan ‘ikan’ yang mempunyai penyeragaman irama akhir baris manakala baris kedua dan keempat pula ‘bersiul’ dan ‘siul’ yang selari bagi mengimbangan pantun teka-teki yang dikarang oleh penulis. Setiap pemilihan yang dipilih akan mengimbangi setiap baris pantun dan nilai keindahan dapat dirasai apabila membacanya. Bunyi-bunyian yang sama mampu menarik minat pembaca atau pendengar untuk mencari jawapan bagi pantun teka-teki yang diberikan. Setiap pemilihan kata mempunyai hubungan dengan bunyi yang rumit, (Muhammad Haji Salleh, 1999). Hal ini dikatakan demikian kerana hadirnya bunyi yang saling membantu antara satu sama lain, saling bersahutan bersilih ganti dan sebagainya. Ini mewujudkan jalinan hubungan antara bunyi dan disebabkan oleh itu adanya muzik yang dimainkan oleh vokal dan konsonan dalam pantun.

4.3.6 Sesuai dan Patut

Aspek keenam yang ingin dibincangkan dalam teori Puitika Sastera Melayu iaitu sesuai dan patut. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) menyatakan sesuai ini adalah padanan yang benar mengikut keadaan, rupa dan sebagainya. Patut pula adalah sifat yang baik ataupun elok. Sesuai dan patut ini boleh dikategorikan sebagai penggunaan yang sesuai dan tepat dari segi baris, perkataan dan mengikut kesesuaiannya. Tambahan pula, menurut Muhammad Haji Salleh (2006) sesuai dan patut ini dari istilah seni menyatakan penggunaan maksud yang khusus dan tepat dengan baris supaya tidak melawan arus ataupun tidak janggal apabila didengarinya. Hal ini dikatakan demikian kerana sesuai dan patut ini menggambarkan situasi yang tidak bertentangan agar sesuatu perkara itu tidak kelihatan pelik. Walau bagaimanapun, istilah patut ini perlu juga mengikut kesesuaian dan tidak boleh berlebih-lebihan atau spesifiknya kesederhanaan yang tidak berlebihan apabila membaca. Pengarang menghasilkan sesebuah karya mengikut kata yang sepadan dalam memberikan makna menggunakan variasi irama, unsur metafora, bentuk dan kata-kata. Gambaran ini mampu memberikan keindahan terhadap karya yang dihasilkannya terutamanya pantun yang memerlukan kata-kata yang mempunyai makna agar ianya kelihatan tidak berlebihan. Oleh itu, pengarang sedaya upaya berusaha mencari sesuai dan yang patut dengan kreativitinya, imajinasinya kerana nilai-nilai diukur berdasarkan karyanya.

Contohnya,

Saku diseluk sambil berjalan,
Menjeling ketua jalan di depan;
Tan teluk tan telan,
Tanduknya dua kakinya lapan.

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:14)

Berdasarkan contoh di atas, pengarang menggunakan kata yang sesuai dan patut. Melalui pantun teka-teki ini, kesesuaian nilai atau pengajaran yang ingin disampaikan kepada pembaca atau pendengar terutamanya bagi penyelesaian kepada pantun teka-teki dapat disampaikan dengan baik dan kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana pemilihan kata amatlah sesuai kerana kata-kata yang dipilih untuk dijadikan petunjuk kepada jawapan teka-teki. Walau bagaimanapun, pembaca atau pendengar mampu meneka dengan betul bahawa jawapannya dalah ketam kerana petunjuk terakhir adalah tanduknya dua kakinya lapan yang memberi gambaran imaginasi kepada pembaca. Pemilihan kata yang dipilih oleh pengarang ketika menghasilkan pantun teka-teki ini dengan memilih kata yang paling dekat dengan jawapan.

MALAYSIA

KELANTAN

Contoh 12

Serumpun pokok kekwa,
Tumbuh tepi rawa;
Berjalan setapak tertawa,
Berjalan setapak tertawa?

(Nazel Hashim Mohamad, 2022:2)

Contoh di atas merupakan satu contoh yang bersesuaian dengan nilai keindahan sesuai dan patut. Hal ini dibahaskan kerana pantun diatas menggunakan pemilihan kata yang berulang iaitu berjalan setapak tertawa yang tidak memberi makna khusus kerana mengandungi makna kiasan. Berjalan setapak yang merujuk kepada suatu tindakan yang berjalan di tempat yang sempit sementara tertawa pulak adalah tindakan ketawa. Disebabkan hal ini mungkin beranggapan seseorang berjalan suatu tempat dengan gembira sambil ketawa tetapi apakah perkaitan dengan jantung pisang. Ini telah menunjukkan kebijaksanaan seseorang pengarang dengan menggunakan kata-kata yang sesuai dan patut dalam menzahirkan ideanya dalam pantun teka-teki yang diciptanya. Frasa yang digunakan mungkin lain dari konteks penulisan pengarang tapi bagaimana seseorang itu menginterpretasikan sesuatu perkara. Penggunaan metafora atau kiasan membantu dengan lebih mendalam dalam pemilihan kata bagi mencari idea dalam merangka pantun teka-teki di atas.

4.3 Kesimpulan

Secara keseluruhan bagi bab empat ini dapat dirumuskan mengenai kajian yang dijalankan berkenaan konsep genius dalam Teori Puitika Sastera Melayu menggunakan konsep yang dipilih iaitu kemerdekaan bahasa, struktur persembahan, alun cerita dan cita rasa yang patut dan aspek-aspek kebijaksanaan dalam masyarakat Melayu dalam mencipta pantun teka teki melalui enam konsep Perkataan yang Indah-indah iaitu dunia luas yang dipadatkan, mainan, kiasan dan saranan, dunia berjodoh, sama ukuran, muzik seiring kata dan sesuai dan patut. Hal ini telah dibuktikan oleh pengkaji dengan memberikan contoh-contoh yang berkaitan objektif dan menghuraikan dengan terperinci berdasarkan teks yang dipilih iaitu Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki yang dihasilkan oleh pengarang hebat, Nazel Hashim Mohamad.

BAB 5

RUMUSAN


5.1 Pendahuluan

Bab 5 merupakan bab yang terakhir bagi kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji akan merumuskan keseluruhan karya yang bertajuk *Genius Masyarakat dalam Penciptaan Teka-Teki menggunakan Teori Puitika: Kajian Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki*. Seterusnya, pada bahagian ini juga, pengkaji akan memperincikan rumusan bagi setiap topik yang telah dibincangkan pada Bab 1 sehingga Bab 4 serta menganalisis menerusi persoalan dan objektif yang telah ditetapkan pada awal bab. Tambahan pula, bab ini memberikan cadangan atau saranan yang relevan dan menarik yang seiring dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji berkenaan pantun teka-teki. Dengan adanya teks Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki telah memudahkan penyelidikan ini dilaksanakan. Selain itu, dengan adanya penerapan Teori Puitika Sastera Melayu dalam kajian telah membantu pengkaji untuk menghadkan skop kajian tanpa tersasar jauh. Oleh itu, dalam memelihara warisan yang ditinggalkan dari generasi terdahulu, perbincangan ini turut menyumbang kepada saranan dan cadangan yang


bernas dan relevan yang mampu mencapai tujuan asal objektif kajian ini dilaksanakan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

5.2 Perbincangan

Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji pada bab 1 sehingga bab 4 telah memperlihatkan kajian ini menumpukkan kepada pantun teka-teki melalui teks yang dipilih iaitu Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki yang dijelaskan lagi dengan pengaplikasian teori Puitika Sastera Melayu yang diasakan oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh bagi menelaah serta menganalisis secara mendalam mengenai konsep kegeniusan dan aspek kebijaksanaan melalui konsep Perkataan yang Indah-indah.

Bab I iaitu yang menerangkan mengenai pendefinisian serta konsep pantun teka-teki. Hal ini dikatakan demikian kerana definisi dan konsep dianalisis secara terperinci menerusi kebijaksanaan seseorang pengarang dalam menghasilkan pantun, lebih-lebih lagi yang mempunyai teka-teki. Bab ini juga pengkaji juga telah menetapkan objektif berdasarkan persoalannya mengenai kajian penyelidikan kerana pada zaman kini kurangkan penghasilan pantun dan diselitkan teka-teki dalamnya. Pengkaji merasakan kajian ini perlu dilaksanakan bagi menunjukkan kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam penghasilan pantun teka-teki. Pengkaji juga menghadkan kajiannya terhadap teks yang dipilih sahaja bagi penganalisan yang dihasilkan adalah berkualiti. Bab I ini juga mempunyai mengapa pentingnya kajian ini dilaksanakan bagi negara, masyarakat serta individu.

Bab II mengenai sorotan kajian lepas yang memfokuskan kepada pantun teka-teki. Jika diteliti dengan lebih mendalam, pantun ini dikenali dari dahulu tapi

pendedahan kepada pantun teka-teki ini terlalu sukar dijumpai kerana skopnya kecil malahan untuk menghasilkannya perlu mempunyai kebijaksanaan yang tidak mampu diukur dengan mata kasar. Selain itu, bab ini juga memberikan pengertian yang dikaji seperti pantun dan teori berdasarkan pandangan sarjana-sarjana dalam Malaysia mahupun luar Malaysia. Pandangan-pandangan yang diperolehi dikumpulkan bagi membantu pengkaji dalam penambahan ilmu serta makna bagi setiap perkara yang ingin dikaji. Pada bahagian ini, pengkaji memperoleh pelbagai maklumat dan panduan dalam melaksanakan penyelidikan ini.

Di samping itu, bab III pula membincangkan mengenai metodologi kajian yang ingin dilaksanakan mengikut perspektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Setiap bahagian yang ditampilkan oleh pengkaji akan diaplikasikan dalam penyelidikan sepanjang kajian ini dijalankan. Seterusnya, data-data diperolehi dikumpul dengan sistematik agar mampu memudahkan pencarian maklumat bagi pengkaji. Bab ini juga membantu dalam pencarian maklumat yang bukan hanya dari laman sesawang tetapi dari sumber-sumber yang sahih seperti buku atau jurnal juga. Metodologi kajian ini membantu pengkaji dalam pengumpulan data yang padat dan tepat.

Bab IV pula, bab yang sangat berguna dan berharga dalam penyelidikan iaitu analisis serta dapatan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana bab ini telah membuktikan pengkaji telah berhasil dan menyelesaikan kajian bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pada bab ini juga, pengkaji telah menyempurnakan

dua objektif iaitu yang pertama konsep genius berdasarkan teori Puitika Sastera menerusi konsep yang dipilih iaitu kemerduan bahasa, struktur persembahan, alun cerita serta cita rasa dan mempunyai 12 contoh yang telah dipilih serta bersesuaian berdasarkan teks Pantun Pak Nazel Berirama dengan Teka-Teki. Objektif kedua pula, aspek kebijaksanaan dalam Masyarakat Melayu dalam penghasilan pantun teka-teki dengan menggunakan konsep Perkataan yang Indah-indah seperti dunia luas yang dipadatkan, mainan, kiasan dan saranan, dunia berjodoh, sama ukuran, muzik seiring kata dan sesuai dan patut berserta 12 contoh yang dipilih mengikut kelarasan mengikut konsep yang ditetapkan oleh pengkaji. Seterusnya, dua objektif ini disempurnakan dengan pengaplikasian berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu yang saling berkait antara satu sama lain.

5.3 Cadangan

Bahagian ini, pengkaji akan memberikan saranan dan cadangan yang boleh diaplikasikan untuk mengangkat warisan negara terutamanya pantun yang diselitkan teka-teki dalamnya kepada masyarakat. Saranan dan cadangan yang dikongsi dalam penyelidikan ini akan membantu pengkaji-pengkaji yang bakal mengkaji pantun teka-teki pada masa akan datang.

5.3.1 Cadangan kepada Negara

Cadangan yang mampu diberikan kepada negara adalah kerajaan boleh membentuk komuniti sosial untuk mengamalkan serta menghidupkan kehidupan yang berbudaya. Hal ini dikatakan demikian kerana ianya dapat memperkenalkan kepada komuniti mengenai keseronokan dalam menghayati serta mencari jawapan dalam pantun teka-teki yang dihasilkan. Kerajaan juga memberikan hiburan baru kepada masyarakat serta memberikan pengetahuan baru mengenai kewujudan pantun teka-teki ini. Institusi-institusi juga boleh memperkenalkan terhadap pantun teka-teki bukanlah puisi tradisional sahaja tapi kita perlu memelihara dan menjaga warisan ini dari generasi agar ia tidak ditelan alam.

5.3.2 Cadangan kepada Masyarakat

Begitu juga dengan cadangan kepada masyarakat yang mampu mendedahkan serta memberikan pemahaman yang jelas mengenai pantun teka-teki. Dalam penghasilan pantun teka-teki ini memerlukan kebijaksanaan yang tidak mampu diukur serta akan memberikan penghayatan kepada masyarakat. Keindahan dan kehalusan perkataan yang dipilih mampu memupuk minda masyarakat. Masyarakat kini juga dicadangkan untuk lebih peka mengenai pantun terutamanya pantun teka-teki serta ianya boleh diaplikasikan dalam kehidupan sosial pada masa kini.


5.3.3 Cadangan kepada Individu

Pengkaji memberikan inspirasi kepada bakal pengkaji dalam melaksanakan kajian mengenai pantun teka-teki menelusuri teori Puitika Sastera Melayu. Kajian yang dihasilkan ini mampu memberikan ilmu baru mengenai pantun teka-teki dan menarik minat pengkaji baru untuk menjalan penyelidikan sebegini. Hal ini dikatakan demikian kerana kurangnya penyelidikan mengenai pantun teka-teki dan ia mampu menyuntik rasa ingin tahu dalam elemen-elemen penting dalam menghasilkan sebuah pantun yang mempunyai teka-teki dalamnya. Dengan adanya kajian sebegini di Malaysia mampu membuka mata para bakal pengkaji yang akan datang bagi


menjalankan penyelidikan sebegini dengan menggunakan konsep-konsep baru atau teori yang lain dalam menghasilkan sesebuah pantun teka-teki.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, ia disimpulkan bahawa dalam penghasilan pantun yang diselitkan pantun-teki dalamnya ini sememangnya menerapkan penggunaan bahasa yang mempunyai makna dan bersesuaian dalam membentuk sesebuah pantun teka-teki. Kajian ini juga telah memperlihatkan bahawa pemilihan dan penggunaan kata akan menimbulkan nilai estetika yang mampu membuktikan kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam mencipta pantun teka-teki. Pantun teka-teki ini bukanlah hiburan semata-mata tetapi ia akan mengasah minda dan mencabar diri untuk mencari jawapan mengikut persoalan yang diselitkan dalam pantun. Unsur-unsur keindahan yang digunakan dalam menghasilkan pantun teka-teki ini telah menggambarkan kebijaksanaan dan kreatifnya pemikiran masyarakat dalam menciptanya.

Oleh itu, pengkaji juga berharap agar penyelidikan ini mampu membuka mata dan minda masyarakat atau bakal pengkaji untuk lebih meneliti mengenai pantun. Pantun ini merupakan khazanah orang Melayu yang perlu diperlihara dari zaman ke zaman agar tidak hilang nilainya. Bukan hanya pantun semata-matayang boleh dikaji tetapi terdapat pelbagai jenis pantun yang boleh diterokai oleh bakal pengkaji atau masyarakat. Penggunaan teori yang dipilih oleh pengkaji iaitu teori Puitika Sastra Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh ini sangat membantu membuktikan kebijaksanaan masyarakat Melayu mampu menghasilkan pantun teka-teki yang berasaskan kebijaksanaan atau kegeniusan pengarang itu.

Natijahnya, pengkaji berharap agar penyelidikan kajian yang dilaksanakan serta saranan dan cadangan yang diusulkan secara tidak langsung mampu memberikan impak positif kepada pengkaji dalam menghasilkan penyelidikan mengenai tajuk yang telah dipilih.



RUJUKAN

- Abdullah, M. I. N. (2013). Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: *Kajian Teori*.
- Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99- 117.
- Andriani, T. (2012). Pantun dalam kehidupan Melayu (Pendekatan historis dan antropologis). *Sosial Budaya*, 9(2), 195-211.
- Apriansah, D., Muktadir, A., & Lusa, H. (2018). Studi Identifikasi Jenis-Jenis Pantun dalam Masyarakat Kaur Provinsi Bengkulu. *JPGSD: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 11(1), 43-50.
- Asmah Hj. Omar, 1991. *Aspek Bahasa & Kajiannya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beden.S Bab 4: Kaedah Kajian - Sara binti Beden. (2021). [https://www.researchgate.net/publication/283479198 Bab 4 Kaedah Kaja](https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajia)
[n](#)
- Bell, E., & Bryman, A. (2007). The ethics of management research: an exploratory content analysis. *British journal of management*, 18(1), 63-77.
- Borhan, Z. A. (1996). Adat istiadat Melayu Melaka/editor Zainal Abidin Borhan...[et al.].
- Braune, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Researchin Psychology*, vol. 3, núm. 2.
- By, P. (2021, May 27). *Maksud di Kamus Bahasa Melayu*. Kamus Bahasa Melayu - Cari Maksud Perkataan Secara Online. <https://prpm.dbp.gov.my/>

- By, P. (2021, May 27). *Teori - Maksud di Kamus Bahasa Melayu*. Kamus Bahasa Melayu - Cari Maksud Perkataan Secara Online. <https://kamusbm.com/teori/>
- Cullinan, D. (1988). Basic research and basic needs in research on learning disabilities. *Journal of Learning Disabilities*, 21(4), 227-229.
- Dan, Shuib (2005) *Konsep Alam Pantun Melayu: analisis intertekstualiti/ Shuib Bin Dan*. Master's thesis, Universiti Malaya.
- Efrizal A. S. (2012). *Kajian Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau, Indonesia*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Eizah Mat Hussain (2016). *Simbol dan mana dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Eizah Mat Hussain, et. al. (2015). "*Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu.*" dalam *Jurnal Pengajian Melavu (Jomas)*. 26 (1), 235-255.
- Emeis, M.G., 1975, *Bunga Rampai Melayu Kuno*, (cetakan kedua), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fink, A. (2019). *Conducting research literature reviews: From the internet to paper*. Sage publications.
- Ganing, P. A. (2016). *Tanda, penanda dan petanda dalam entelah Iban*.
- Ghazali Din & A Halim Ali (2020). "*Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Haji Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu.*" dalam *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 8 (1), 26-41.

- Harian, K. (2021, August 27). Pengertian, Ciri-Ciri, Dan Contoh Pantun Teka teki. kumparan. <https://kumparan.com/kabar-harian/pengertian-ciri-ciri-dan-contoh-pantun-teka-teki-1wPXdH2w9Fx>
- Harun Mat Piah, 1997. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Ismail (2019). "Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti." dalam *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. Bil. 29, 31-49.
- Hornby, G. (1995). Fathers' views of the effects on their families of children with Down syndrome. *Journal of Child and Family Studies*, 4, 103-117.
- Hussain, E. M. (2016). *Simbol dan Makna Dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata* [Master's thesis].
- Ismail, H. (2019). Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi Dan Praktikaliti: Malay Poetic Theory: Interpretation and Practicality. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 29.
- Ismail, H. (2019). Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti, Malay Poetic Theory: Interpretation and Practicality. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 29, 31-49.
- Ismail, N. (2013). Lambang dan kesantunan wanita Melayu dalam pantun.
- Kerlinger, F. N. (1970). A social attitude scale: Evidence on reliability and validity. *Psychological Reports*, 26(2), 379-383.

- Khatijah Mohamed Yatim. (2016). *Hikayat Char Darwis: Kajian berdasarkan teori puitika sastera Melayu*.
- Kosasih, Engkos. 2013. *Cerdas Berbahasa Indonesia*. Jakarta: Erlangga.
- Kristanto, Y. D., & Padi, R. S. (2020). *Analisis data kualitatif: penerapan analisis jejaring untuk analisis tematik yang cepat, transparan, dan teliti*.
- Kurniawan, A. (2018). Metodologi penelitian pendidikan.
- Lune, H., & Berg, B. L. (1998). *Qualitative research methods for the social sciences*. Pearson.
- Mahyudin Al Mudra. [www.adicita.com/artikel/detail/id/121/Revitalisasi Pantun-Melayu](http://www.adicita.com/artikel/detail/id/121/Revitalisasi-Pantun-Melayu) (13 Jun 2012) pukul 16.07 wib.
- Maulina, D. E. (2015). Keanekaragaman pantun di Indonesia. *Semantik*, 1(1).
- Miller, S. I., & Fredericks, M. (1999). How does grounded theory explain? *Qualitative Health Research*, 9(4), 538-551.
- Mislikhah, S. (2020). Kesantunan berbahasa. *Ar-Raniry: International Journal of Islamic Studies*, 1(2), 285-296.
- Mohamad Ezhar Ithdzzuddin (2022) *Unsur Realisme Dalam Ranjau Sepanjang Jalankarya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Fungsionalisme*. Tesis Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohammad A. Quayum (2006). "On a Journey Homeward: An Interview with Muhammad Haji Salleh." dalam *Postcolonial Text*, Vol 2, No 4.
- Mohd. Taib Osman, 1974. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Federal Publication.

- Muhammad Haji Salleh (1999). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh (1999). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nichols, J. E., Walcott, M., Bradley, R., Pilcher, J., & Huang, Y. (2009). Quantitative assessment of precipitation seasonality and summer surface wetness using ombrotrophic sediments from an Arctic Norwegian peatland. *Quaternary Research*, 72(3), 443-451.
- Nik Safiah Karim. 1998. "Keindahan Pantun dari Sudut Sintaksis Bahasa Melayu" dalam Jurnal Dewan Bahasa. April, 1998.
- Nor, Atiah, Ismail., Noor, Fazamimah, Mohd, Ariffin., Sumarni, Ismail., Mohd, Yazid, Mohd, Yunus., Utaberta, Nangkula. (2015). *Understanding characteristics of the malay cultural landscape through pantun, woodcarving and old literature*.
- Nur Emy Amirah Zawawi (2022) *Analisis Nilai Dan Pengajaran Dalam Buku 'Pantun Berkait: Peri Loka Tanah Melaka' Karya 'Azimin Daud*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nurul Ain, Alizuddin (2015) *Pantun Melayu: Analisis ayat majmuk Bahasa Melayu / Nurul Ain Alizuddin*. Master's thesis, Universiti Malaya.

- Nurzeti Ghafar (2001). *Muhammad Haji Salleh: A Poet in Two Languages*. Tesis PhD. Jabatan Inggeris, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Omarudin Haji Asha'ri, 1961. *Kajian Pantun Melayu*. Singapore: Malay Publishing House Ltd.
- Rashid, H., & Idris, H. (2012). Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun. *'Ulūm Islāmiyyah Journal*, 197(1022), 1-29.
- Rene Daillie, F. 1988. *Alam Pantun Melayu: Studies on The Malay Pantun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, M. H. (2021). *Puitika Sastera Melayu* (3rd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka. *Sastera Budaya*.
- Salleh, M. H. (2021). *Puitika Sastera Melayu* (3rd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schreiber, James & Kimberly Asner-Self. (201). *Educational Research: The Interrelationship of Questions, Sampling, Design, and Analysis*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Setyadiharja, R. (2020). *Khazanah Negeri Pantun*. Deepublish.
- Shafie, I. (2000). *Pengantar Statistik (UUM Press)*. UUM Press.
- Sikana, M. (1996). Teori teksdealisme. *Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Siti Nur Syakira binti Ab Aziz (2023) *Nilai estetika dalam pantun kanak-kanak Adik Sayang Pantun: penerapan puitika sastera melayu*. Tesis Projek Akhir Tahun, Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Nur Syakira binti Ab Aziz (2023) *Nilai estetika dalam pantun kanak-kanak Adik Sayang Pantun: penerapan puitika sastera melayu*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

- Sudirman, N., & Hamid, Z. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Sugiarto, E. (2016). *Pantun dan puisi lama Melayu*. Grup Khitah Publishing.
- Suseno, S., & Nugroho, B. A. (2018). Alih Wahana Hujan Bulan Juni. *Jurnal Sastra Indonesia*, 7(3), 212-220.
- Tenas Effeny, 2004, *Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu*, Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu bekerjasama dengan Penerbit Adicita Karya Nusa, Yogyakarta.
- Trisnawati, T. (2019). Analisis Jenis-Jenis dan Fungsi Pantun dalam Buku Mantra Syair dan Pantun di Tengah Kehidupan Dunia Modern Karya Korrie Layun Rampan. *Parataksis: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajaran Bahasa Indonesia*, 2(2).
- Troye, S. V. (1994). Evaluation of theory and research. *Oslo: Tano*.
- Tsai, C. H. (2022). *Wisdom: A Skill Theory*. Cambridge University Press.
- Vaismoradi, M., Turunen, H., & Bondas, T. (2013). Content analysis and thematic analysis: Implications for conducting a qualitative descriptive study. *Nursing & health sciences*, 15(3), 398-405.
- Wahyuni, Ristri. 2014. *Kitab Lengkap Puisi, Prosa, dan Pantun Lama*. Yogyakarta: Saufa.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 1996. *Pantun: Manifestasi Minda Masyarakat*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff dan Ku Zam Zam Ku Idris. 1996. 'Seni Budaya dalam Kreativiti Pantun' Dlm. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. *Pantun dan*

- Manifestasi Minda Masyarakat*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Webster, Leonard dan patric metova, (2007). *Using Narratif Inquiry as a Research Methode*, New York: Routledge.
- Wiguna, M. Z., Yuda, R. K., & Uli, I. (2017). Analisis Nilai-nilai Pendidikan dalam Pantun Melayu Sambas. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 6(1), 114-129.
- Wilkinson, R.J & Winstedt, R.O. 1961. *Pantun Melayu*. Singapore: Malay Publishing House Ltd.
- Yulianti, C. (n.d.). *Pantun Teka-teki: Pengertian, contoh, Dan Jawabannya*. *detikedu*. <https://www.detik.com/edu/detikpedia/d-6388208/pantun-teka-teki-pengertian-contoh-dan-jawabannya#:~:text=Pantun%20teka%2Dteki%20adalah%20pantun,permainan%20yang%20berbentuk%20karya%20sastra>.
- ZA'BA (Zain al-'Abidin bin Ahmad). (1941). Recent Malay Literature. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 1-20.
- Zahari, Z., & Yusoff, M. Y. M. (2020). PERSEMBAHAN TRADISIONAL MEK MULUNG DI MALAYSIA: PERUBAHAN STRUKTUR PERSEMBAHAN. *JURNAL MELAYU SEDUNIA*, 3(1), 100-121.
- Zainal Abidin Ahmad. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.